**Cermat guna air - KM** MS8



**Perasmian GTF 2013 dibuka umum** MS10



**Maklumat buang sampah dapat RM100** MS 25



PERCUMA

buletin Mutiara

BERSATU DAN SETIA




16 – 31, MEI 2013

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

# Program penghargaan RM100 warga emas diteruskan

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF & ZAINULFAQAR YAACOB**



**SERAMAI 205 pekerja cemerlang dan 53 pesara Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) diraikan pada Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2013 MPPP yang berlangsung dengan penuh gilang-gemilang baru-baru ini di Dewan Bandaran di sini. Turut kelihatan adalah Yang Dipertua MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail dan pucuk pimpinan pihak berkuasa tempatan berkenaan. *Gambar oleh, Alissala Thian – Berita lanjut di muka surat 25.***

**PULAU TIKUS -** Warga emas yang menerima sumbangan penghargaan RM100 daripada Kerajaan Negeri sejurus pentadbiran Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng diberi mandat semula di negeri berkenaan baru-baru ini rata-ratanya melahirkan rasa gembira dan syukur.

Noorjahan Sultan, 64, antara warga emas berdaftar yang melahirkan rasa gembira dengan inisiatif kebajikan tersebut.

"Terima kasih banyak-banyak kepada Kerajaan Negeri.

"Duit ini boleh lah makcik beli ubat dan tampung perbelanjaan dapur sikit sebanyak walaupun terima setahun sekali," ujar beliau semasa ditemui di pusat pemberian sumbangan di Maybank Cawangan Pulau Tikus di sini baru-baru ini.

Katanya, beliau telahpun menerima sumbangan RM100 masuk tahun ketiga sejak program itu diperkenal pada tahun 2010.

Nada yang sama turut disuarakan oleh N.M.Sellamah, 66, yang ditemui di pusat pemberian sumbangan sama.

Warga emas berdaftar itu berkata, beliau sudah dua kali menerima sumbangan RM100 daripada Kerajaan Negeri.



**NOORJAHAN Sultan menunjukkan wang sumbangan diterima beliau.**



**N.M.Sellamah.**

"Saya tinggal bersama suami sahaja. Suami pun dah tak bekerja kerana tidak sihat.

"Sumbangan ini sangat bermakna buat kami...(untuk) guna beli keperluan rumah," ujar beliau sebak gembira.

Majlis Sumbangan RM100 Kepada Warga Emas Peringkat Daerah Timur Laut itu dirasmi oleh Guan Eng.

Guan Eng semasa berucap melahirkan rasa gembira kerana program sumbangan yang nyata menguntungkan rakyat itu berjaya diteruskan sesegera mungkin selepas selesainya musim Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13).

Menurut beliau, tadbir urus Kerajaan Negeri secara Cekap, Akauntabel dan Telus (CAT) tanpa rasuah sejak penggal pentadbiran lepas ternyata menguntungkan rakyat.

"Apabila PR (Pakatan Rakyat) menang, bantuan ini diteruskan. Rakyat nampak gembira apabila hak mereka diperkasakan.

"Ini (program sumbangan emas) adalah usaha untuk memastikan 'dividen anti-rasuah' sejak lima tahun lalu diteruskan secara langsung kepada rakyat supaya rakyat lebih gembira dan ceria," ujar beliau.

Dalam perkembangan sama, majlis pemberian sumbangan RM100 kepada warga emas yang sama turut dilangsungkan peringkat Daerah Seberang Perai Utara (SPU) baru-baru ini.

# Pelajar, sekolah cemerlang STPM terima ganjaran

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**



PARA pelajar tidak melepaskan peluang bersalam dengan Ketua Menteri sejurus selesai Majlis Anugerah Cemerlang STPM 2012 di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN –** Seramai 72 orang pelajar cemerlang dalam peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) 2012 menerima insentif kewangan beserta sijil dan trofi daripada Kerajaan Negeri bertempat di Auditorium A, Komtar di sini baru-baru ini.

Para penerima merupakan pelajar dari sekolah-sekolah menengah pelbagai aliran di sini yang berjaya memperoleh purata nilai gred kumulatif (PNGK) 4.0.

Kelangsungan majlis tersebut adalah sebagai salah satu inisiatif Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) menghargai kecemerlangan dicapai anak-anak negeri Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, kriteria pemilihan dibuat berdasarkan gred purata sekolah yang diperoleh daripada Majlis Peperiksaan Malaysia.

"Syabas dan tahniah kepada semua pelajar dan sekolah-sekolah yang berjaya memperoleh keputusan cemerlang.

"Semoga kejayaan ini menjadi pemangkin kepada semua sekolah untuk terus berusaha mencapai keputusan yang lebih cemerlang pada tahun 2013 kelak," ujarnya ketika merasmikan Majlis Anugerah Cemerlang STPM 2012 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul Halim Hussain, mantan Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P.Ramasamy, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Muhammad Yusoff Wazir dan Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Mokhtar Mohd. Jait.

Dalam majlis yang sama, Kerajaan Negeri Pulau Pinang turut menyampaikan anugerah kepada tiga pelajar terbaik dan pelajar-pelajar khas di bawah kategori Pelajar Istimewa.

Tiga buah sekolah yang memperoleh keputusan terbaik iaitu Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) Chung Hwa Confucian, George Town, SMJK Jit Sin, Bukit Mertajam dan SMJK (P) Cina, George Town turut diberikan anugerah dalam bentuk sijil penghargaan serta trofi.

**SINDIR MUTIARA** Oleh: **Sam**



# 1,900 unit rumah di Jalan S.P. Chelliah

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB & NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN -** Syarikat Zubicon Sdn. Bhd. (Zubicon) dipilih untuk memajukan 1,900 unit rumah mampu milik dekat Jalan S.P. Chelliah yang akan dikenali sebagai *Chelliah Park City* di sini melalui *request of proposal* (RFP) dijalankan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, pemaju itu dipilih kerana menawarkan jaminan sumbangan kewangan (GMC) tertinggi, iaitu RM60 juta, selain, menambah 580 unit lagi rumah kos sederhana rendah yang berharga RM200,000 seunit.

"Kerajaan Negeri menyedari bahawa keperluan perumahan berharga RM200,000 adalah tinggi, maka, penambahan sebanyak 580 unit dalam kelas ini ke dalam projek ini adalah sesuatu yang akan memberi faedah kepada rakyat kelak.

"Dengan pertambahan itu, (bermakna) peningkatan 91.4 peratus (rumah kos sederhana rendah) daripada jumlah asal 303 unit yang disyaratkan," ujarnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Pengurus Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar turut hadir.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih itu berkata, dalam syarat terbaru yang dipersetujui pemaju, sebanyak 770 unit rumah kos rendah dengan keluasan lantai 700 kaki persegi akan dibina dan dijual dengan berharga RM72,500 seunit.

"883 unit rumah kos sederhana rendah dengan keluasan lantai 800 kaki persegi akan dibina dan dijual dengan harga tidak melebihi RM200,000 seunit.

"165 unit lain dalam kelas yang sama dengan keluasan lantai 900 kaki persegi akan dibina dan dijual dengan harga RM300,000 seunit.

"Manakala, 82 unit lagi dalam kelas yang sama dengan keluasan lantai 1,000 kaki persegi akan dijual di bawah harga RM400,000," jelas beliau.

Tambah Guan Eng, hanya empat peratus sahaja dijual dengan harga RM400,000, bukan kesemua rumah mampu milik dijual semahal itu sebagaimana yang digambarkan oleh pembangkang Pulau Pinang sebelum ini.

Justeru, katanya lagi, kos keseluruhan projek tersebut berjumlah RM85 juta, iaitu GMC berjumlah RM60 juta dan RM25 juta baki adalah tambahan tawaran bagi kemudahan awam.

Dalam cadangan Zubicon, difahamkan, *Chelliah Park City* akan dilengkapkan dengan *'linear park'*, kawasan hijau, terminal bas awam, laluan basikal dan pejalan kaki serta rekaan bentuk fizikal kediaman memenuhi spesifikasi *Green Building Index* (GBI) berkelas *'Gold'* seperti penyediaan pusat kitar semula.




**LAKARAN** grafik *Chelliah Park City* yang bakal dibangunkan di Jalan S.P. Chelliah di sini.

Itu, tidak termasuk bangunan tunggal yang akan dijadikan surau untuk umat Islam setempat.

Terdahulu, Kerajaan Negeri bercadang untuk menjual 1.2 ekar tanah dekat Taman Manggis, Jalan Zainal Abidin di sini kepada pihak swasta untuk pembinaan bangunan 30 tingkat yang terdiri daripada 19 tingkat hotel, enam tingkat hospital swasta dan lima tingkat parkir.

Projek komersial itu menerima tentangan kuat daripada pembangkang Pulau Pinang atas dalih Kerajaan Negeri wajar membina rumah mampu milik terlebih dahulu untuk keperluan rakyat di negeri berkenaan.

Oleh kerana tanah tersebut tidak muat untuk pemajuan perumahan mampu milik, Kerajaan Negeri mencadangkan sebidang tanah lain berdekatan Taman Manggis, iaitu di Jalan S.P. Chelliah.

Pada 17 Januari lepas, Kerajaan Negeri melalui PDC mengiklan RFP bagi projek tersebut.

Dalam RFP itu, antara lain mensyaratkan pembinaan 1,320 unit rumah mampu milik sahaja, termasuk 303 rumah kos sederhana rendah dengan keluasan lantai 800 kaki persegi dan dijual dengan harga RM200,000 seunit.

Sebanyak lapan syarikat pemaju mengambil bahagian sebelum Zubicon dipilih melalui proses tender terbuka berkenaan.

## Ratu Squasy Negara terima sumbangan penghargaan

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN** – Sebagai penghargaan dan kecemerlangan mempertahankan konsistensi kejayaan bergelar juara dunia sebanyak tujuh kali, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) baru-baru ini menyampaikan sumbangan bernilai RM100,000 kepada Ratu Squasy Negara, Datuk Nicol Ann David di sini.



**NICOL Ann David.**

Sumbangan penghargaan tersebut adalah ekoran kejayaan beliau merangkul gelaran juara buat kali ketujuh pada Kejohanan Skuasy Wanita Terbuka Dunia 2012.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang juga merupakan Pengerusi PBAPP ketika menyampaikan cek tersebut berkata, kejayaan yang dicapai Nicol merupakan inspirasi kepada rakyat Pulau Pinang khususnya dan Malaysia kerana berjaya menempa nama di pentas dunia buat kali ketujuh.

"Nicol adalah anak jati Pulau Pinang dan merupakan satu-satunya pemain wanita yang berjaya mempertahankan konsistensi kejayaan bergelar juara dunia sebanyak tujuh kali. Ini merupakan sejarah kepada pentas Squasy.

"Bukan mudah untuk mengekalkan kemenangan dan kejuaraan yang digalasnya untuk satu jangka tempoh yang lama. Sebaliknya, ia memerlukan semangat dan dedikasi tinggi seseorang," ujarnya ketika menyampaikan cek sumbangan di Komtar baru-baru ini di sini.

Hadir sama, Pengurus Besar PBAPP, Ir. Jaseni Maidinsa, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh dan Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng.

Dalam pada itu, Nicol memberitahu, adalah menjadi harapannya agar lebih ramai jaguh sukan bertaraf dunia dapat dilahirkan di Pulau Pinang.

"Melalui pelbagai program pembangunan sukan, saya berharap lebih ramai bakat-bakat baru yang berpotensi dapat digarap dan diketengahkan," ujar beliau.

## Dr. Afif terima tugas portfolio kesihatan

**SERAH TUGAS...** Bersesuaian dengan latar belakang beliau sebagai seorang doktor perubatan, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya yang juga Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar, Dr. Afif Bahardin turut diberi tanggungjawab memikul tugas portfolio kesihatan di sini.

Sebelum ini, portfolio kesihatan adalah di bawah Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh yang juga ADUN Sungai Puyu.

Majlis serah tugas antara Boon Poh dan Dr. Afif berlangsung dalam suasana ringkas sambil disaksikan Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Pulau Pinang, Datuk Abu Jamal Nordin di sini baru-baru ini.



**PHEE Boon Poh (kiri) menyerahkan fail kerja portfolio kesihatan kepada Dr. Afif Bahardin (tengah) sambil disaksikan Abu Jamal Nordin di sini baru-baru ini.**



CHOW Kon Yeow (tiga dari kanan) menunjukkan pelan semasa melawat tapak cadangan pembangunan terminal bas kedua Rapid Penang di Pengkalan Weld di sini baru-baru ini.

# Tuntut 200 bas lagi untuk terminal baru

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) baru meluluskan rancangan pembangunan dan pengembangan terminal bas kedua syarikat pengangkutan bas awam, Rapid Penang Sdn. Bhd. (Rapid Penang) di Pengkalan Weld di sini baru-baru ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, langkah itu demi menampung pertambahan bilangan bas yang beroperasi, iaitu sebanyak 350 bas sejak tiga tahun lepas berbanding 150 bas sahaja pada tahun 2007.

"Diharap perkembangan ini akan membantu Syarikat Prasarana Negara Berhad (SPNB) dan Kerajaan Persekutuan untuk membawa baki 200 bas lagi seperti yang dijanji dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) pada tahun 2010," ujar beliau baru-baru ini semasa melawat tapak cadangan pembangunan di sini.

Hadir bersama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kota, Lau Keng Ee.

Beberapa Ahli Majlis bagi MPPP seperti Sr. Mohd. Zahry Shaikh Abdul Rahman, Mohamed Yusoff Mohamed Noor, Muhammad Sabri Md Osman, Ramlah Bee Asiahoo dan Zukifli Mohd. Noor turut hadir pada sidang media itu.

Kon Yeow berkata, pengembangan terminal bas baru itu sekaligus mampu menjadikan Pengkalan Weld sebagai salah satu hub pengangkutan awam terbaik apabila dilengkapkan dengan peranan pengangkutan awam laut, seperti feri kelak.

Terdahulu, Rapid Penang pada November 2010 memohon daripada Kon Yeow sebidang tanah milik Kerajaan Negeri untuk membina satu lagi terminal bas awam.

Kon Yeow pada 2 Disember tahun yang sama telah mengeluarkan surat persetujuan pada hasrat itu.

Satu perundingan lanjut membabitkan Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan Perbadanan Ketua Menteri (CMI) dan MPPP bermula pada 3 Januari 2011 hingga Jun tahun lepas.

Hasil perbincangan itu, antara lain bersetuju MPPP menyerahkan tanahnya kepada Kerajaan Negeri melalui CMI selama 30 tahun untuk pembangunan projek awam tersebut.

Ekoran itu, pelan pembangunan terminal baru memenuhi spesifikasi 'George Town Bandar Warisan Dunia' diluluskan pada 5 September tahun lepas.

Pada 6 Februari lepas, pelan perancangan pembangunan telahpun diluluskan oleh jawatankuasa berwajib.



SALAH seorang pelajar menunjukkan bahan pameran reka cipta berasaskan sains robotik bersempena penganjuran *Penang Science Fair 2013* di sini baru-baru ini.

# *Penang Science Fair 2013* platform rangsang minat generasi muda

**TANJONG TOKONG -** *Penang Science Fair 2013* yang berlangsung baru-baru ini berjaya 'membongkar' rahsia sains membabitkan teknologi robotik, solar, roket air dan lain-lain.

Malah, penyertaan oleh 50 pihak universiti serta syarikat antarabangsa juga berjaya mendedahkan pembelajaran teknologi nano dengan lebih berkesan kepada golongan kanak-kanak dan pelajar.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang juga merupakan Pengerusi *Penang Science Cluster* (PSC) berkata, beliau menyasarkan generasi kini bakal menjadi inspirasi kepada perkembangan sains dan inovasi masa hadapan.

"Kita akan memperkenalkan sains, teknologi dan kejuruteraan melalui suatu siri inovatif kepada generasi baru dengan merangsang pengalaman mereka (generasi baru) dalam bidang tersebut.

"Penganjuran ini bukan hanya sekadar pameran, tetapi ia juga lebih kepada pembelajaran yang lebih seronok dan interaktif antara ibu bapa serta anak-anak dalam bidang berkenaan.

"Paling penting adalah ibu bapa boleh berinteraksi dengan pakar profesional dalam bidang sains serta kejuruteraan bagi mengenalpasti potensi anak-anak masing-masing dalam bidang sains, teknologi dan kejuruteraan," ucapnya pada Majlis Perasmian *Penang Science Fair 2013* di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, menurut koordinator aktiviti *Penang Science Fair 2013*, Yoon Choon Leong, antara aktiviti-aktiviti lain yang turut diadakan bersempena penganjuran bertemakan '*youngster's friendly*' adalah mini konsert, persembahan silap mata berunsur sains dan planeterium.

"Malah, jurutera-jurutera sains turut ditempatkan di setiap gerai pameran bagi menjawab soalan-soalan berhubung bidang sains dan teknologi," jelasnya.

# Kerja cat Kompleks Jalan Kedah siap

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKILFI**

**GEORGE TOWN –** Projek pengecatan semula Kompleks Jalan Kedah di sini berjaya disiapkan dalam tempoh empat bulan menerusi 'skim mesra' penduduk hasil inisiatif Kerajaan Negeri.

Walaupun sepatutnya Perbadanan Pengurusan (MC) Kompleks Jalan Kedah yang sepatutnya menanggung kos penuh usaha tersebut mengikut mengikut akta Hakmilik Strata 1985 yang telah diserahkan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) sebelum ini, namun, demi kebajikan rakyat, ia diusahakan menerusi insentif 80/20.

Iaitu sebanyak 80 peratus kos, RM262,440 ditanggung PDC, selebihnya oleh penduduk, RM65,610. Dalam pada itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota, Chow Kon Yeow turut menghulurkan sumbangan RM30,000 bagi menjayakan projek berkenaan.

Melalui tender terbuka, projek tersebut ditawarkan kepada syarikat Aizel Enterprise.

Kon Yeow berkata, dengan selesainya proses mengecat terbabit, Kompleks Jalan Kedah kelihatan seperti perumahan *'apartment'* yang baru di sini.

"Secara amnya, kemudahan di kompleks mengandungi 320 unit rumah dan 40 unit komersial yang tersergam sejak 1986 adalah cukup lengkap dengan suasana harmoni.

"Ini merupakan kali kedua ia dicat. Lanjutan itu, pusat khidmat ADUN turut didirikan di sini bagi memudahkan penduduk berurusan," jelas beliau.



KOMPLEKS Jalan Kedah yang berwajah baru.

# Kerajaan PR bertindak atasi masalah banjir

**Oleh : WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN -** Sejak Kerajaan Pakatan Rakyat (PR) mengambilalih tampuk pemerintahan pada tahun 2008, dilema penempatan semula penduduk berjaya diselesaikan sehingga tahap 80 peratus bagi memberi laluan kepada Projek Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang Fasa II dilaksanakan di sini.

Ini bermakna, kini hanya tinggal 36 penduduk termasuk struktur yang masih dalam perbincangan untuk dipindahkan.

Kenyataan tersebut dinyatakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datok Keramat, Jagdeep Singh Deo bagi mengulas lanjut tuduhan beberapa pihak yang menyatakan bahawa Kerajaan Negeri PR tidak mengambil sebarang tindakan bagi mengawal banjir yang sering melanda kawasan Jalan P. Ramlee di sini.

"Sebenarnya, mana-mana projek tebatan banjir sebenarnya adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Pusat.

"Namun, Pulau Pinang mendapat sedikit keistimewaan untuk menyelia projek ini kerana ia melibatkan penempatan semula penduduk yang mungkin akan menjadi isu sensitif," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Menurut Jagdeep yang juga Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, RTB Sungai Pinang adalah membabitkan beberapa fasa pelaksanaan dan Fasa II (yang dilaksanakan kini) adalah yang terbesar membabitkan kos RM150 juta merangkumi pekan Sungai Pinang hingga Sungai Air Itam (*Dhoby Ghaut*) di sini.

"Adalah diharapkan projek RTB Fasa II dapat disiapkan secepat mungkin bagi menamatkan igauan ngeri penduduk setempat di sini yang sering dibelenggu masalah sama sejak sekian lama,'' ujarnya sambil menyatakan bahawa pelaksanaan projek Fasa I telah selesai semasa tahun 1999, namun selepas itu, ia seolah-oleh 'terhenti'.



**JAGDEEP Singh Deo.**



**KEADAAN 'jejantas sotong' yang sunyi.**

# Jejantas sotong bakal diroboh

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Jejantas menghubungkan Komtar dan Jalan Penang atau lebih dikenali 'jejantas sotong' di sini bakal dirobohkan ekoran sambutan dingin para pejalan kaki berhubung tahap penggunaannya.



**A. Rajendran.**

Bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) bakal mendapatkan maklum balas daripada penduduk sekitar terlebih dahulu berhubung pelan perancangan berkenaan.

Pemangku Timbalan Pengarah Kejuruteraan MPPP, A. Rajendran berkata, satu kajian terperinci dan menyeluruh akan dilakukan terlebih dahulu bagi menentukan perlu atau tidak jejantas tersebut dirobohkan.

"Kita (MPPP dan Kerajaan Negeri) memberikan tempoh selama sebulan (30 hari) bagi membolehkan orang ramai serta pengguna menyatakan maklum balas sama ada bersetuju ataupun tidak berhubung pelan berkenaan.

"Berkemungkinan sekiranya dirobohkan, ia bakal digantikan dengan sistem lampu isyarat bagi memudahkan pengguna pejalan kaki melintas jalan," ujarnya ketika membuat lawatan ke lokasi 'jejantas sotong' di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow dan Ahli Parlimen Tanjung, Ng Wei Aik.

Dalam pada itu, Guan Eng berkata, jejantas suram serta sunyi yang berusia 20 tahun tersebut dikhuatiri akan menjadi sarang maksiat dan tempat melakukan kerja tidak bermoral.

"Pejalan kaki lebih gemar melintas jalan daripada menggunakan jejantas ini.

"Kita (Kerajaan Negeri) mencadangkan agar ianya dimansuhkan bukan sahaja kerana jarang digunakan, malah tidak mesra kepada orang kurang upaya (OKU) ekoran keadaan tangganya yang agak tinggi untuk dinaiki," ujar beliau.

**WOO Kooi Weng (duduk, tengah) menunjukkan momento diterimanya pada Majlis Penghargaan Penderma Darah Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**



# Penderma darah 193 kali diiktiraf

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Keikhlasan hati menderma darah sebanyak 193 kali sehingga hari ini menjadikan seorang warga emas, Flavian T'eh Cheow Soo, 66, cukup disegani dan dikagumi.

Menceritakan pengalaman pertama menderma darah kira-kira 45 tahun lalu, Cheow Soo akui agak gerun untuk menderma kerana takut jarum.

Namun, setelah menderma, katanya, tidak sakit, malah, 'menyeronokkan' apabila beliau dapat membantu menyelamatkan nyawa pesakit lain yang memerlukan darah.

"Apa yang penting ialah keikhlasan ketika menderma dan niat untuk membantu mereka memerlukan darah.

"Bukan sahaja menyihatkan, malah, saya merasakan diri masih muda dan kuat untuk melakukan aktiviti harian," katanya ketika ditemui pada Majlis Penghargaan Penderma Darah Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Tambah Cheow Soo, ketika muda, beliau sering menderma darah di pusat-pusat menderma darah, tetapi setelah mengetahui bahawa penderma darah diberi sijil penghargaan oleh pihak kerajaan, beliau kini hanya menderma di Hospital Besar Pulau Pinang (HPP).

"Bukan sijil penghargaan dan angka yang ingin dibanggakan.

"Saya sekadar mahu memberitahu masyarakat, pendermaan darah adalah salah satu kebajikan yang mudah dan murah bukan sahaja untuk membantu orang lain tetapi juga diri sendiri," katanya.

Turut menerima pengiktirafan adalah Woo Kooi Weng, 64, yang telah menderma darah sebanyak 120 kali.

"Paling kerap tiga bulan sekali saya akan menderma darah.

"Keluarga saya juga diajar untuk menderma darah, bukan sahaja untuk bantu orang lain tetapi bagi tujuan kesihatan.

"Biasanya saya sakit kepala, pening, tetapi setelah mengamalkan pendermaan darah, masalah tersebut dapat diatasi," katanya yang turut hadir bersama keluarganya.

Tambahnya, mereka yang masih muda dan cukup syarat untuk menderma perlu tampil sebagai penderma bagi membantu pesakit kronik memerlukan darah.

Dalam pada itu, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh ketika merasmikan majlis tersebut berkata, program seumpama itu adalah yang julung kali diadakan di Pulau Pinang bagi menghargai penderma darah negeri ini.

"Sejak 2009, terdapat seramai kira-kira 24,000 penderma aktif menderma.

"Kira-kira 2,600 telah menderma lebih 25 kali, 1,070 penderma menderma lebih dari 50 kali dan kira-kira 30 peratus adalah penderma pasif iaitu menderma kurang dari 25 kali," jelas Boon Poh.

Tambahnya, kesedaran masyarakat masih rendah tentang kebaikan menderma darah.

"Oleh demikian, Kerajaan Negeri dengan kerjasama HPP, syarikat pembekal peralatan perubatan terkemuka dunia, *B. Braun* dan *Sunshine Square Group* giat menjalankan aktiviti kesedaran serta kempen menderma darah bagi mengisi tabung darah di sini.

# 'Rakyat Pulau Pinang tidak boleh dibeli, diugut' – KM

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Sungguhpun berpuluh juta dibelanjakan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Air Putih dan ratusan juta di negeri Pulau Pinang menjelang Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13), rakyat negeri memilih untuk menolak politik wang serta politik samseng.

Kenyataan tersebut dinyatakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada ucaptama penganjuran Forum Fakta Sebenar Pakatan Rakyat Menang Undi Popular PRU-13 oleh Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.

Katanya, tindakan tersebut membuktikan bahawa rakyat Pulau Pinang memang bijak, waras dan berani, tidak boleh dibeli, tidak boleh ditipu dan tidak boleh diugut.

"Pakatan Rakyat (PR) Pulau Pinang mencatatkan keputusan cemerlang dengan memenangi undi popular 66 peratus (meningkat 8 peratus daripada 58 peratus pada 2008) dan meraih 30 kerusi DUN (meningkat 1 kerusi) daripada 40 kerusi DUN.

"Itulah sebabnya Barisan Nasional (BN) tidak berani mempertikaikan keputusan di Pulau Pinang dan PR menerimanya kerana PR mendapat mandat besar. Bukan macam BN yang jadi kerajaan minoriti di Putrajaya dengan hanya 47 peratus undi popular berbanding 51 peratus untuk PR.

"Kita kena ingat, walaupun penipuan pilihan raya ini berlaku secara terang-terangan, tidak ada sebarang tindakan yang diambil oleh pihak yang berkuasa.

"Kini, Bersih dan juga PR sedang berusaha untuk mengumpul bukti-bukti bagi mengukuhkan lagi dakwaan penyelewengan yang berlaku dalam PRU13.

"Setakat ini, kita sudah pun mengenalpasti sekurang-kurangnya 26 kerusi yang telah dimenangi BN dengan majoriti tipis, tetapi meragukan atas beberapa faktor seperti undi pos serta undi awal yang diragui serta peratusan undi rosak yang terlalu tinggi.



(Dari kiri), DR. Ong Kian Ming, Zairil Khir Johari, Mohd. Rashid Hasnon, Jeff Ooi, Dr. Dzulkifly Ahmad dan Rafizi Ramli menjayakan penganjuran Forum Fakta Sebenar Pakatan Rakyat Menang Undi Popular PRU-13 di Komtar baru-baru ini.

"Setelah mengumpul bukti-bukti tersebut, kita akan mengemukakan petisyen pilihan raya untuk mencabar keputusan di kawasan-kawasan yang terbabit," tegasnya pada majlis berkenaan.

Forum disertai lebih hampir 2,000 hadirin tersebut membariskan tiga panelis, iaitu Rafizi Ramli (Ahli Parlimen Pandan), Dr. Ong Kian Ming (Ahli Parlimen Serdang) dan Dr. Dzulkifly Ahmad (bekas Ahli Parlimen Kuala Selangor).

Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari pula menjadi pengemudi forum pada malam itu.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri I, Mohd. Rashid Hasnon, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Ahli Parlimen Jelutong, Jeff Ooi, Ahli Parlimen Tanjung, Ng Wei Aik, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim dan ADUN Batu Uban, Dr. T. Jayabalan.

Menurut Guan Eng, adalah jelas bahawa PRU-13 adalah pilihan raya yang paling kotor dalam sejarah Malaysia.

"Kita telah melihat penyelewengan meluas seperti membeli undi secara terang-terangan, dakwat kekal yang tidak kekal, pengundi hantu yang didakwa dibawa masuk dan daftar pemilih meragukan.

"Di Pulau Pinang, para pengundi telah disaji dengan makanan percuma, hiburan percuma, cabutan bertuah, malah konsert percuma. DUN saya sendiri di Air Putih menjadi sasaran utama dengan pembayaran RM500 setiap pengundi dengan janji bayaran tambahan RM1,500 kalau calon BN menang. Pada hari terakhir khabarnya nilai naik sampai RM5,000 seundi.

"Tak cukup dengan memperalatkan politik wang, politik samseng juga digunakan," ujarnya.

Beliau memberitahu, pokoknya di Malaysia, negara mempunyai sistem pilihan raya yang sudah rosak setelah kian lama dimanipulasi untuk kepentingan BN.

"Kerosakan sistem pilihan raya di Malaysia adalah jelas dibuktikan oleh keputuan PRU-13 apabila gabungan parti yang mendapat 51 peratus undi hanya dapat menang 40 peratus kerusi Parlimen. Ini adalah bertentangan dengan konsep demokrasi pilihan raya.

"Konsep "satu orang, satu undi" harus dilaksanakan dengan adil untuk menegakkan budaya dan semangat demokrasi yang berikan nilai sama kepada setiap pengundi.

"Ini adalah untuk mengelak daripada sesetengah kawasan yang kurang penduduk mendapat perwakilan yang lebih dan kawasan yang sangat padat penduduknya mendapat perwakilan yang kurang. Namun di Malaysia, kawasan di mana jumlah pengundinya hanya 15,000 seperti Putrajaya mendapat seorang wakil rakyat sementara kawasan dengan jumlah pengundi 145,000 seperti Kapar, Selangor juga hanya mendapat seorang wakil rakyat.

"Jelas taburan pengundi di Malaysia adalah berat sebelah dan tidak adil," jelas Guan Eng.

Justeru, beliau menegaskan bahawa demi mencapai demokrasi matang yang dapat mencerminkan pilihan rakyat, rakyat perlu mereformasikan sistem pilihan raya di Malaysia dengan merombak semula Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) terlebih dahulu.

"Ketulusan dan keberkecualian pihak SPR bukan hanya mencurigakan tetapi kebolehan pihak SPR menunaikan tanggungjawab mereka dipersoalkan. Terlalu banyak tanda tanya timbul akibat daftar pemilih yang meragukan serta aturan perjalanan pilihan raya kurang meyakinkan," kata beliau.

# Abdul Malik kesal tindakan NGO boikot produk Cina

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim kesal dengan tindakan 83 badan bukan kerajaan (NGO) diterajui Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) yang dipercayai bertindak menyeru umat Islam memboikot produk keluaran syarikat milikan Cina berstatus halal baru-baru ini.

Jelas beliau, tindakan tersebut menunjukkan pihak terbabit bersikap separuh matang dan kebudak-budakan.

"Saya amat kecewa dengan keangkuhan dan kebodohan NGO terbabit kerana menyeru masyarakat Islam untuk memboikot produk keluaran syarikat Cina yang berstatus halal.

"Tindakan kebudak-budakan hanya sebagai membalas tindakan majoriti masyarakat Cina menyokong Pakatan Rakyat (PR) dalam pilihanraya yang lalu," katanya pada sidang media di Komtar di sini baru-baru ini.

Tambahnya, sokongan ditunjukkan masyarakat kepada mana-mana pihak dalam pilihanraya bukanlah menjadi suatu kesalahan di sisi undang-undang, malah, juga bukan suatu jenayah sehingga pihak terbabit bertindak sedemikian.

"PPIM adalah sebuah NGO kepenggunaan dan bukannya sebuah parti politik.

"Sepatutnya mereka (PPIM) menasihati pengguna dalam hal kepenggunaan dan bukannya bersikap rasis serta menyalahguna istilah Islam," tegasnya yang turut mencabar pihak terbabit untuk bubar dan menubuhkan sebuah parti politik kerana tingkah laku serta pemikiran sempit.

Dalam pada itu, Abdul Malik turut merujuk kenyataan PPIM yang dikeluarkan dalam sebuah akhbar arus perdana bertarikh 18 Mei lalu yang merujuk kepada kenyataan Setiausaha Agung Pertubuhan Muafakat Sejahtera Rakyat Malaysia (MUAFAKAT), Abdul Karim Omar, sebagai dipetik, "Kami hendak bagi kesedaran kepada masyarakat Cina mengenai agenda jahat DAP yang memperalatkan mereka hingga menyebabkan mereka percaya DAP boleh memerintah negara selepas PRU-13 yang lalu."

Tegas Abdul Malik, kenyataan yang kononnya bagi mendidik peniaga dan masyarakat Cina konsep toleransi sesama rakyat Malaysia hakikatnya berbaur rasis.

"Pulau Pinang di bawah kepimpinan Ketua Menteri dari DAP tidak mempunyai sebarang masalah, malah, berjaya meletakkan negeri ini ke tahap yang optimum dan terbaik," ujar beliau.

Abdul Malik yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung turut menegaskan bahawa beliau akan menghantar surat bantahan ke Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) berhubung tujuan organisasi terbabit ditubuhkan ekoran pendirian pihak terbabit melancarkan kempen memboikot barangan milik syarikat Cina yang berstatus halal.

"Sepatutnya PPIM memfokuskan isu halal haram dan status barangan pengguna diragui, bukannya memperjuangkan politik




ABDUL Malik Abul Kassim menunjukkan keratan akhbar menyiarkan kenyataan PPIM pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

adu domba yang akan memecah keharmonian kaum di negera ini," jelasnya.

Lanjutan itu, beliau juga akan meminta nasihat daripada mana-mana peguam sama ada dia mempunyai *local standi* untuk membuat aduan kepada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) berhubung pendirian PPIM yang lari dari tujuan asal penubuhannya.

# Pei Fei antara 162 penerima kaki palsu

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Seorang ibu tidak dapat menyembunyikan perasaan gembira selepas anak tunggalnya, Cheah Pei Fei, 9, menerima bantuan kaki palsu sumbangan Yayasan Prostesis (*Prostheses Foundation*) di sini baru-baru ini.

Menurut ibunya, Cheah Bee Eng, 46, anak perempuannya itu dilahirkan tanpa kaki kiri dari paras paha ke bawah.

"Walaupun keadaannya begitu (tanpa kaki kiri), Pei Fei adalah seorang yang sangat aktif dan ceria.

"Dia juga suka berdikari tanpa mengharapkan bantuan siapa-siapa untuk melakukan sesuatu," ujarnya ketika ditemui pada Program Pemberian Bantuan Percuma Kaki Palsu di sini.

Pei Fei yang merupakan pelajar tahun tiga Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) (SJKC) Mak Mandin, Butterworth merupakan antara 162 individu menerima sumbangan kaki palsu dari Yayasan Protesis di bawah naungan *H.R.H the Princess Mother of Thailand* pada majlis penyampaian serba ringkas yang turut dihadiri Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di sini baru-baru ini.

Malah, dalam menjayakan program berkenaan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah bermurah hati menderma sejumlah RM100,000.

Bersempena majlis tersebut, sejumlah 169 kaki palsu yang menelan belanja kira-kira RM600,000 disampaikan Konsulat Jeneral DiRaja Thailand, H.E. Madam Srirat Vathesatogkit dan Ketua Menteri kepada semua penerima sumbangan program yang dianjurkan buat kali ketiga di sini.

Bagi seorang lagi penerima, Adibah Noor Ahmad Fauzi, 24, pemberian kaki palsu itu memberi sinar baru pada kehidupannya sekaligus memudahkan pergerakkan beliau melakukan kerja seharian.

"Jika dahulu agak sukar untuk bergerak kerana kaki palsu yang diperoleh agak besar dan longgar dan terpaksa meminta bantuan orang, kini tidak lagi.

"Saya mampu berdiri dan berjalan sendiri," ujarnya yang dilahirkan tanpa kaki kanan.



CHEAH Pei Fei dibantu Ketua Menteri memakai kaki palsu yang diterimanya pada Program Pemberian Bantuan Percuma Kaki Palsu di sini baru-baru ini.



SEBAHAGIAN penerima yang hadir.

Turut melahirkan rasa syukur adalah T. Balakrishnan, 46, yang menyatakan bahawa beliau kehilangan kaki kanannya ekoran kejadian kemalangan jalanraya pada tahun 1991.

"Sejak itu, saya tidak lagi mempunyai kaki.

"Mujur isteri dan anak-anak saya banyak memberi sokongan," kata beliau yang turut ditemani isteri serta anak-anaknya pada majlis berkenaan.

Dalam pada itu, Setiausaha Agung Yayasan Prostesis, Profesor Madya Dr. Therdchai Jivacate berkata, sejak penubuhan yayasan berkenaan pada tahun 1992, kerajaan Thailand telah menyediakan secara percuma anggota badan prostetik kepada mereka yang kehilangan kaki.

Jelasnya, yayasan tersebut juga mempunyai pasukan unit bergerak yang terdiri daripada doktor dan kakitangan perubatan yang membuat kaki palsu.

"Unit prostetik mudah alih telahpun diberikan kepada negara-negara seperti Thailand, Myanmar, Laos, Indonesia dan Malaysia sejak 11 tahun yang lalu.

"Secara keseluruhan, yayasan telah membuat 1,162 unit kaki palsu khas untuk kempen di Malaysia melalui program sebegini dan kami berasa amat gembira apabila melihat penerima sumbangan dapat berdiri sendiri di hadapan kita," ujar beliau.

Selain itu, Dr. Therdchai turut memberitahu bahawa pihak yayasan juga menawarkan perkhidmatan percuma untuk membaiki kaki palsu yang rosak.

# Tiga mangsa serangan politik terima sumbangan

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN –** Gara-gara mengalihkan bendera sebuah parti politik yang diletakkan di dalam kawasan kediaman milik persendirian, seorang penjaja, Teoh Hock Choon, 53, dipercayai dipukul tiga suspek lelaki tidak dikenali di Jalan Perak di sini baru-baru ini.

Ekoran kejadian tersebut, Hock Choon telah menerima rawatan di Hospital Pulau Pinang selama 16 hari ekoran mengalami keretakan pada tengkorak kepala. Selain menerima 100 jahitan, kepalanya juga terpaksa dimasukkan sembilan skru besi.

Menurut Hock Choon, sebelum kejadian, beliau berada di luar kediamannya dan menyedari bahawa terdapat bendera sebuah parti politik digantung di halaman premis persendirian miliknya.

"Saya kemudian cuba mengalihkan bendera tersebut sebelum tiba-tiba diserang tiga lelaki tidak dikenali,'' katanya pada majlis sidang media bersama Ketua Menteri di sini baru-baru ini.

Turut mengalami nasib yang sama adalah adik-beradik, Oh Kheng Kwang, 57, dan Oh Kok Kwang, 60, yang menetap di Jalan Macalister di sini.

Bersimpati dengan nasib dialami, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng telah menyampaikan sumbangan saguhati bernilai RM2,000 kepada Hock Choon, Kheng Kwang yang turut mengalami kecederaan pada bahagian kepala (RM1,000) dan Kok Kwang (RM500).

Guan Eng pada majlis sidang media di sini baru-baru ini berharap pihak polis dapat mengambil tindakan sewajarnya terhadap kes berkenaan memandangkan mangsa-mangsa mengalami kecederaan serius.

Dalam pada itu, Ahli Parlimen Jelutong, Jeff Ooi Chuan Aun menyatakan bahawa terdapat bukti rakaman yang boleh dijadikan bukti berhubung kejadian yang berlaku.



TEOH Hock Choon yang mengalami keretakan pada tengkorak kepala.

# Hari Air Sedunia tuntut rakyat cermat guna air

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mengajak rakyat Pulau Pinang supaya cermat menggunakan air sempena keraian Hari Air Sedunia baru-baru ini.

"Saya tahu rakyat Pulau Pinang sangat membudayakan konsep 'bersih'...tetapi itu tidak bermakna kita perlu guna air yang begitu banyak di rumah.

"Justeru, sekaranglah masa terbaik untuk 'ubah' (iaitu) dari begitu banyak menggunakan air pada cermat menggunakan air yang dibekal," ujarnya pada majlis sambutan tersebut di Taman Botani di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Mohd. Rashid Hasnon, Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti), Datuk Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna), Jagdeep Singh Deo (Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan), V.S.Raveentharen (bekas Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Batu Uban) dan Ir. Jaseni Maidinsa (Pengurus Besar Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang, PBAPP) turut hadir pada keraian sedunia itu.

Pada perayaan itu, Guan Eng menyempurnakan majlis melepaskan belon ke udara sebagai membawa mesej kepada seluruh warga Pulau Pinang supaya saling cermat menggunakan bekalan air bersih di negeri berkenaan.

Difahamkan, populasi rakyat Pulau Pinang bagi tahun 2012 sebanyak 1.611 juta dan purata air domestik yang dibekalkan bagi tahun 2012 adalah sebanyak 474 juta liter tiap-tiap hari.

"Jika kita membahagi 474 juta liter dengan 1.611 juta rakyat, kita mendapati anggaran kegunaan air domestik di Pulau Pinang bagi tahun 2012 adalah sebanyak 294 liter per kapita tiap-tiap hari," ujar beliau.




**JAGDEEP Singh Deo (kiri sekali) bergambar kenangan bersama-sama para pemenang cilik salah satu pertandingan sambil diperhatikan Abdul Malik Abul Kassim (kanan sekali) pada sambutan Hari Air Sedunia di sini baru-baru ini.**

## Kes tuntut pilihan raya PBT negeri sambung 27 Jun

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN -** Pendengaran kes Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyaman Kerajaan Pusat dan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) gara-gara menghalang pelaksanaan pilihan raya kerajaan tempatan di negeri berkenaan di Mahkamah Persekutuan Putrajaya pada 29 Mei lepas bersambung pada 27 Jun depan.

Hakim, Y.A. Datuk Hassan Lah mengarahkan pihak pendakwaan memfailkan semula tuntutan saman ke atas plaintif sebelum sesi pendengaran sekali lagi dilangsungkan, lapor sumber.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow mengetuai delegasi Kerajaan Negeri pada sesi pendengaran itu.

Beliau berkata, langkah itu wajar bagi memaksa kedua-dua defendan membenarkan proses pelaksanaan pilihan raya bagi Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sebagaimana diperuntukan dalam Enakmen Pilihan Raya Kerajaan Tempatan (Pulau Pinang dan *Province Wellesley*) 2012.

"Perkara ini amat penting kepada rakyat Pulau Pinang bagi memilih Ahli Majlis di dalam PBT bagi membantu mereka dalam menyelesaikan isu-isu berkaitan PBT (pihak berkuasa tempatan) di tempat mereka.

"SPR perlu melaksanakan tanggungjawabnya untuk mengadakan satu pilihanraya PBT di Pulau Pinang jika tuntutan (saman) ini berjaya," tegas Kon Yeow dalam satu kenyataan lain di Komtar di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota itu sekali lagi bertegas, Perkara 111(4) Perlembagaan Persekutuan sebenarnya membenarkan sesebuah Kerajaan Negeri memberi kuasa kepada SPR bagi menjalankan pilihan raya selain pilihan raya umum.

Difahamkan, Kerajaan Negeri melalui peguam terkenal, Tommy Thomas dilapor mengfailkan saman dengan P. Ramakrishnan (bekas Presiden Aliran) sebagai plaintif, dua bulan lepas.

Terdahulu, Kon Yeow pada 14 Julai 2009 menulis surat kepada Kerajaan Pusat menuntut penguatkuasaan enakmen tersebut, tetapi ditolak.

Pada 11 Ogos tahun yang sama, sidang mesyuarat Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang meluluskan resolusi menyeru Kerajaan Pusat untuk bertindak mengembalikan pilihan raya PBT, tetapi, resolusi itu pun ditolak.

Kerajaan Negeri, pada 4 Mac 2012, menulis satu surat kepada SPR atas niat yang sama berdasarkan Akta Kerajaan Tempatan, 1960, tetapi ditolak oleh suruhanjaya itu.

Layanan dingin itu berlarutan sehingga Enakmen Kerajaan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan, 2012 diluluskan dalam DUN Pulau Pinang pada 9 Mei 2012.

Pada 18 Disember tahun lepas, Kerajaan Negeri sekali lagi menulis surat kepada SPR memaklumkan enakmen baru itu dikuatkuasa bermula pada 31 Januari tahun ini.

Dalam perkembangan sama, Datuk Seri Chor Chee Heung semasa masih menjadi Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dilaporkan berkata, inisiatif Kerajaan Negeri itu adalah bercanggah dengan peruntukan Seksyen 15 Akta 171 (Undang-Undang Persekutuan).

Chee Heung berdalih, pendirian Kerajaan Pusat itu adalah selaras dengan Perkara 75 Perlembagaan Persekutuan yang menyebut:

"Jika mana-mana undang-undang Negeri yang tidak diselaras dengan suatu undang-undang Persekutuan, undang-undang Persekutuan itu hendaklah mengatasi undang-undang Negeri dan undang-undang Negeri adalah tidak sah setakat tidak selaras itu.

"Tindakan Kerajaan Negeri meluluskan undang-undang itu tanpa berbincang dengan Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) jelas bertentangan dengan Perkara 95A (6) Perlembagaan Persekutuan," dalih beliau dipetik dari satu akhbar arus perdana.



**R.S.N Rayer (kiri sekali) bersalaman dengan para penduduk setempat setelah menghidupkan suis lampu isyarat sebagai gimik Majlis Perasmian Lampu Isyarat Jalan Gangsa dan Jalan Besi di sini baru-baru ini.**

## Lampu isyarat baru urai masalah trafik

**SERI DELIMA -** Bagi melicinkan aliran lalulintas di persimpangan Jalan Gangsa dan Jalan Besi di sini, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) mengambil inisiatif khas mewujudkan sistem lampu isyarat beroperasi 26 April lalu di sini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N Rayer berkata, dengan adanya lampu isyarat baru tersebut, ia dijangka dapat meningkatkan tahap keselamatan para pengguna di sini terutamanya pada waktu-waktu puncak.

"Inisiatif ini memang wajar dilaksanakan memandangkan penduduk di sini telah lama mengeluh soal kesesakan di sini.

"Apabila beroperasinya projek bernilai RM160,000 ini, diharapkan aliran trafik adalah lebih lancar dan keselamatan dapat ditingkatkan," katanya pada Majlis Perasmian Lampu Isyarat Jalan Gangsa dan Jalan Besi di sini baru-baru ini.

# Laksana 'satu orang, satu undi, satu nilai' – KM




KETUA MENTERI bersama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada Majlis Memperkenal Kepimpinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN** - Majlis Memperkenal Kepimpinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang di Padang Kota Lama, di sini baru-baru ini menerima kehadiran lebih 60,000 hadirin baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri di bawah pentadbirannya boleh ditubuh semula kerana Pakatan Rakyat (PR) dan rakyat saling berkongsi idealisme yang benar hatta tidak boleh dibeli lagi oleh amalan rasuah membabitkan pembangkang di negeri berkenaan.

"Kita berjuang atas idealisme, kebebasan dan kebenaran. Sebab itu, duit (politik wang) tidak mampu lagi membeli maruah rakyat Pulau Pinang.

"Inilah barisan kepimpinan Kerajaan Negeri yang kita semua tahu (iaitu) berprinsip dan akan pegang dasar (Pulau Pinang) Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat," ujar beliau.

Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Mohd. Rashid Hasnon (Timbalan Ketua Menteri I), Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II) dan seluruh Exco Kerajaan Negeri serta semua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) PR turut hadir pada majlis rasmi tersebut.

Guan Eng yang juga ADUN Air Putih berkata, PR merancang untuk memfailkan saman di Mahkamah mengenai bukti penipuan Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13) yang didakwa membabitkan pembangkang serta Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sendiri.

"Yang mana kita boleh saman, kita akan saman untuk tuntut pilihan raya semula atau PR menang 26 kerusi (Parlimen) yang dipertikaikan ini.

"Kalau proses perundangan (saman) ini tidak berjaya, kita akan tuntut (penjelasan) di DUN (Dewan Undangan Negeri) Parlimen, kita akan anjur forum, kita akan pergi ke peringkat antarabangsa supaya proses (politik) pilihan raya diadakan semula yang lebih adil dengan 'satu orang, satu undi, satu nilai'.

"Kita akan menggunakan proses rakyat seperti (himpunan aman) pada malam ini. Kita bukan cakap tiap-tiap minggu kita akan berhimpun, tetapi, kalau perlu saya harap kita semua boleh tolong jayakan proses ini," tegas beliau.

Anwar yang berucap kemudian berkata, PR sudah menang dan wajar menubuhkan Kerajaan Pusat di Putrajaya jika dilihat pada 51.3 undi popular yang diterima daripada rakyat sempena pilihan raya umum lepas.

Namun, katanya lagi, SPR dengan campur tangan pentadbiran Najib (Datuk Seri Najib Tun Razak) berjaya 'mencuri kemenangan' PR.

"Apapun Najib kata, rakyat sudah buat keputusan bahawa PR menang di Putrajaya.

"Najib kata tunggu lah pilihan raya depan tetapi, saya kata 'tidak'. Selesaikan semua penipuan PRU13 sekarang dan serah kemenangan kepada rakyat dan PR," tegas beliau.

PR Pulau Pinang berjaya mendapat 30 kerusi DUN dengan 68 peratus undi popular, iaitu peratusan paling tinggi berbanding negeri-negeri lain.

Pembangkang Pulau Pinang mendapat 10 kerusi DUN sahaja.

Di peringkat nasional pula, PR mendapat 89 kerusi Parlimen dengan 51.3 peratus undi popular.

Manakala, Barisan Nasional (BN) mendapat 113 kerusi Parlimen sungguhpun undi minoriti parti pemerintah itu hanya 48.7 peratus.

# Elak belanja bocor bukan GST – Steven Sim



STEVEN Sim Chee Keong.

**GEORGE TOWN** - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dinasihat supaya tidak melaksanakan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) sekarang kerana dijangka membebankan lagi rakyat terbanyak di negara ini.

Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong berkata, pendapatan negara masih boleh ditingkatkan melalui tadbir urus Cekap, Akauntabel dan Telus (CAT) sebagaimana dibuktikan di Pulau Pinang dan negeri-negeri Pakatan Rakyat (PR) lain.

Justeru, katanya, Kerajaan Pusat tidak perlu mengikut dalih Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Seri Idris Jala meningkatkan pendapatan negara sehingga RM27 bilion dengan cara menguatkuasa cukai baru itu.

"Ketua Audit Negara telah melaporkan bahawa Malaysia kerugian RM28 bilion setahun kerana kepincangan dalam pengurusan Kerajaan (Pusat).

"Jika berjaya menutup segala kebocoran di peringkat Kerajaan Pusat, maka 'dividen anti-rasuah' tersebut melebihi pendapatan yang dijangka akan dikutip melalui GST," katanya dalam kenyataan media di sini baru-baru ini.

Menurut beliau, pelaksanaan GST yang didakwa 'untuk membiayai agenda politik Barisan Nasional' akan membeban 90 peratus rakyat.

Ini kerana, katanya, 40 peratus isi rumah negara berpendapatan kurang RM1,500 sebulan, manakala, hampir 60 peratus lain berpendapatan RM3,000 ke bawah.

Pelaksanaan GST, menurut beliau, sekaligus mengakibatkan rakyat terpaksa berbelanja lebih demi kehidupan.

Selain itu, katanya lagi, rakyat khususnya golongan berpendapatan sederhana seakan menerima 'dua kali ganda hukuman', iaitu membayar cukai pendapatan dan GST.

"Saya di sini membantah sekeras-kerasnya pelaksanaan GST oleh Kerajaan Pusat," tegas beliau lagi.

Terdahulu, Idris dilaporkan berdalih, pelaksanaan GST demi merealisasikan janji-janji Barisan Nasional semasa Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13).

Cadangan menteri itu semasa urus tadbir Kerajaan Pusat didedah 'tiris' hatta kerugian tahunan mencecah kira-kira RM28 bilion.

Ekoran itu, Kerajaan Pusat dinasihat mengikut urus tadbir Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang diiktiraf telus dan menguntungkan rakyat.

Laporan Ketua Audit Negara mendedahkan lebihan kewangan atau surplus Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2008 adalah berjumlah RM88 juta, diikuti RM77 juta (2009), RM33 juta (2010) dan 138 juta (2011).

Dari jumlah itu, Kerajaan Negeri sejak 2008 telah mengagihkan kira-kira RM100 juta sumbangan tunai kepada rakyat melalui program-program sumbangan emas.



JOE Sidek.

# Upacara pembukaan GTF 2013 dibuka umum

**OLEH : WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN –** Penganjuran *George Town Festival (GTF) 2013* bakal menampilkan kelainan pada upacara pembukaan apabila ia bakal dibuka kepada umum secara percuma berbanding dua penganjuran sebelum ini.

Pengarah GTF 2013, Joe Sidek berkata, berbanding dua penganjuran sebelum ini, upacara pembukaan adalah hanya terbuka kepada golongan VIP sahaja.

"Pada tahun ini, penganjuran acara pembukaan pada 8 Jun ini bakal menampilkan acara layang-layang khas dengan penampilan para pemain mahir dari seluruh Asia Tenggara.

"Serentak itu, turut ditampilkan adalah para penggiat seni terkemuka seperti Joko Avianto, I Musici, Sutra, Bridges & Kaki Lima dan lain-lain,'' katanya sidang media di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Penganjuran GTF 2013 bakal berlangsung dalam tempoh sebulan iaitu bermula pada 7 Jun ini dengan menyajikan pelbagai acara serta aktiviti seni seperti muzik, lukisan, opera, teater, filem pendek dan sebagainya di sekitar bandaraya George Town.

Menurut Joe, beliau turut merakamkan ucapan tahniah kepada pihak Kerajaan Negeri yang tidak putus-putus menyokong pihaknya setiap tahun berhubung penganjuran GTF yang diakuinya sukar memperoleh penajaan syarikat-syarikat swasta serta korporat.

Dalam pada itu, Guan Eng turut menyeru rakyat Pulau Pinang supaya bersama meriahkan penganjuran GTF 2013.

"Saya berharap orang ramai dapat turut serta memeriahkan GTF kali ini.

"Ini dapat membantu kita lebih kenal budaya, kesenian dan bandaraya George Town yang kaya dengan nilai sejarah sejajar dengan pengiktirafannya sebagai Tapak Warisan Dunia oleh UNESCO," ujar beliau.

# Lampu isyarat di Jalan Sultan Ahmad Shah

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**



HELENA.



MUHAMMAD Sabri Md. Osman (kanan sekali) bersama Zainuddin Mohd. Shariff (tengah) dan Tay Leong Seng mencuba lampu isyarat pejalan kaki Jalan Sultan Ahmad Shah yang baru dipasang di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN –** Bertindak menerusi maklum balas awam, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) baru-baru ini meluluskan peruntukan RM51,800 bagi pemasangan seunit lampu isyarat bagi kemudahan pejalan kaki di Jalan Sultan Ahmad Shah di sini.

Ahli Majlis yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kecil Lalulintas MPPP, Muhammad Sabri Md. Osman berkata, permohonan tersebut disuarakan pekerja-pekerja di Bangunan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan orang ramai yang berurusan di bangunan berkenaan.

"Jalan Sultan Ahmad Shah sentiasa sibuk terutamanya pada waktu puncak pagi, tengah hari dan petang.

"Isipadu kenderaan yang melalui jalan tersebut adalah tinggi dan keadaan ini menyukarkan para pengguna untuk menyeberangi jalan memandangkan ia adalah jalan utama," ujarnya kepada Buletin Mutiara ketika lawatan ke tapak berkenaan baru-baru ini di sini.

Hadir sama, Jurutera Lalulintas MPPP, Zainuddin Mohd. Shariff dan Ahli Majlis, Tay Leong Seng.

"Walau bagaimanapun, MPPP akan memantau dari masa ke masa, kekerapan dan keperluan menambah masa melintas jalan jika difikirkan perlu pada masa hadapan.

"Kini, masa yang diperuntukan adalah selama 16 saat. Jika perlu kita akan tambah," ujarnya.

Sementara itu, bagi perunding insurans yang bekerja di bangunan berkenaan dan hanya ingin dikenali sebagai, Helena, 34, beliau menganggap pemasangan lampu isyarat tersebut amat membantunya serta rakan-rakan sekerja lain terutama menjelang waktu puncak.

"Sebelum ini, pernah ada kes kemalangan pejalan kaki.

"Parkir kereta yang ada di bangunan ini terhad, jika penuh, kami terpaksa meletakkan kereta di jalan hadapan dan menyeberangi jalan dengan mengambil risiko sendiri,'' ujarnya sambil bersyukur dengan inisiatif diambil MPPP.

# Tragedi media Melayu

**Serambi PENANG INSTITUTE** making ideas work

**JIKA** perkembangan media Melayu mutakhir ini diperhatikan, sifat-sifat kewarasan, keberkecualian dan kesusilaan sudah jelas tidak wujud.

Sentimen perkauman bagai menjadi kelumrahan media Melayu zaman sekarang, baik di kaca mata televisyen ataupun dalam media cetakan. Nyata trend yang sempit ini sedang diterajui oleh media-media kawalan UMNO, khususnya Kumpulan Utusan.

Sejurus selepas pilihan raya umum ke-13, Utusan Malaysia dengan tidak segannya telah mempersoalkan "Apa lagi Cina mahu?" melalui tajuk berita utama, manakala tabloid Kosmo yang dimiliki kumpulan yang sama telah meluahkan muka depan yang tidak kurang provokatifnya, yakni, "Pengundi Cina bersikap talam dua muka".

Seperti biasa, fitnah diterbit sebagai fakta dan tohmahan menjadi bahan ulasan para pengarang. Pengundi kaum Cina dipersalahkan atas kemerosotan keputusan pilihan raya Barisan Nasional, meskipun hujahnya tidak logik – bagaimanakah mungkin golongan yang merangkumi lebih kurang satu suku populasi negara boleh memberikan 51% undi popular (53% di Semenanjung) kepada Pakatan Rakyat?

Jelas, kemenangan undi popular Pakatan Rakyat membuktikan bahawa gabungan parti tersebut telah menerima sokongan yang padu daripada segenap masyarakat Malaysia – namun hakikat ini langsung diabaikan oleh media kawalan UMNO yang tidak ingin menerima kenyataan.

Agenda perkauman kemudian telah diteruskan dengan seruan Awang Selamat, iaitu suara hati lembaga pengarang Utusan, untuk memboikot syarikat penerbangan Air Asia ekoran kritikan seorang pegawai kanannya, Azran Osman-Rani, yang telah mencemuh akhbar Utusan kerana bersifat rasis.

Dan jika itu tidak mencukupi, Utusan kemudiannya menyiarkan kenyataan Perkasa yang menyelar Azran sebagai "bongkak" dan "lupa diri", serta "mengingatkan" Azran agar tidak sesekali "menyentuh" Utusan Malaysia kerana akhbar itu merupakan satu-satunya wadah yang mempertahankan hak orang Melayu di negara ini, seolah-olah segala kejayaan Azran adalah hasil daripada jasa-jasa akhbar tersebut.

Aduhai, malangnya nasib bangsa sehingga perisai perkauman terpaksa menjadi pelindung kepada umat Melayu. Agaknya, tanpa "perlindungan" daripada wira-wira bangsa seperti Utusan dan Perkasa, tidak mungkin Melayu dapat berjaya atas usaha gigih sendiri – inilah sebenarnya sikap yang memperlekehkan dan merendahkan martabat bangsa!

Keadaan ini bukan sahaja sangat mendukacitakan, tetapi amat memalukan, khususnya apabila Utusan Malaysia pernah pada suatu ketika dahulu menjadi tonggak dan peneraju kepada suara masyarakat Melayu yang bebas.

Mungkin ramai yang telah lupa peristiwa tahun 1961 apabila pekerja-pekerja Utusan, termasuk tokoh kewartawanan seperti Said Zahari (yang ketika itu Ketua Pengarang), Usman Awang (kini Sasterawan Negara), serta barisan penulis dan wartawan seperti Abu Zaki Fadzil, Awam-il Sarkam, Salleh Yusof, Tajuddin Kahar, Zailani Sulaiman, Rosdin Yaakub dan lain-lain telah melancarkan kempen mogok.

Tujuan mogok tersebut adalah untuk membantah pengambilalihan Utusan oleh UMNO yang tidak senang dengan sikap akhbar itu yang kritikal terhadap pemerintah dan pro kepada masyarakat terbanyak.

Akhirnya, 50 tahun kemudian, kekhuatiran Said Zahari, Usman Awang dan para pekerja Utusan pada zaman 60-an yang mahukan Utusan kekal bebas daripada campur tangan politik, sudah pun menjadi kenyataan. Malah, Said Zahari dan Usman Awang tidak mungkin dapat bayangkan betapa corotnya kualiti kewartawanan akhbar yang pernah menjadi perjuangan mereka.

Akibatnya, Utusan sudah hilang wibawa di mata orang Melayu, khasnya golongan kelas menengah seperti Azran yang sudah lelah dengan politik perkauman dan fitnah. Jika tidak kerana langganan kerajaan melalui jabatan-jabatan, agensi-agensi dan anak-anak syarikatnya, Utusan tidak mungkin mampu bernyawa, apatah lagi apabila ia seringkali didapati bersalah oleh mahkamah dan dipaksa untuk membayar ganti rugi kepada mangsa-mangsa fitnahnya (Lim Guan Eng dua kali, Karpal Singh, Khalid Samad, Azan Ismail sebagai contoh-contoh yang terbaru).

Hakikatnya, Utusan yang dahulu menjuarai suara masyarakat terbanyak sudah menjadi alat politik parti konservatif kanan yang ketandusan ilham dan gagal merangkumi gagasan politik baru yang berteraskan idea. Yang paling malangnya, "usaha-usaha murni" Utusan serta puak-puak haluan kanan ini sebenarnya tidak memajukan, malah memperbodohkan, bangsa sendiri.

Pada saya, keadaan Utusan Malaysia pada hari ini adalah tragedi yang sangat besar kepada warisan akhbar Melayu. Jalan keluar daripada kemelut ini hanya satu – media massa di negara kita harus dibebaskan.

Pengalaman di negara-negara lain yang telah beralih daripada media terkongkong kepada media yang bebas telah menunjukkan bahawa akhbar-akhbar yang berpendirian sempit dan berhaluan ekstrim seperti Utusan Malaysia tidak dapat bersaing dan akhirnya akan berhadapan dengan dua pilihan: tukar pendirian atau tutup kedai. Yang berjaya adalah mereka yang mampu memenuhi kehendak pasaran untuk kewartawanan yang lebih objektif.

Jika warisan akhbar Melayu hendak diselamatkan dan kewibawaan dikembalikan, jalannya adalah melalui pembebasan media.

**ZAIRIL KHIR JOHARI**
**Ahli Parlimen Bukit Bendera merangkap Ketua Pegawai Eksekutif *Penang Institute***



| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **AIR PUTIH**<br>YAB Tuan Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **PANTAI JEREJAK**<br>YB Haji Mohd. Rashid Hasnon<br>rashid.hasnon@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1968<br>(F) 04 - 626 5496 |
| **PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 390 1867<br>(F) 04 - 390 1867 |
| **PADANG KOTA**<br>YB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **BATU MAUNG**<br>YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim<br>abdmalik@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1968<br>(F) 04 - 626 5496 |
| **BAGAN JERMAL**<br>YB Lim Hock Seng<br>limhockseng@penang.gov.my | (T) 04 - 331 7175<br>(F) 04 - 331 7175 |
| **BATU LANCHANG**<br>YB Law Heng Kiang<br>lawhengkiang@penang.gov.my | (T) 04 - 282 6419<br>(F) 04 - 282 6419 |
| **SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng | (T) 04 - 502 5071<br>(F) 04 - 508 9711 |
| **DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh DEO<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | Sedang dikemaskini |
| **BUKIT TAMBUN**<br>YB Law Choo Kiang<br>lawchookiang@penang.gov.my | (T) 04 - 588 0818<br>(F) 04 - 588 0885 |
| **AIR ITAM**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai@penang.gov.my | (T) 04 - 828 0926<br>(F) 04 - 828 0926 |
| **BERAPIT**<br>YB Ong Kok Fooi<br>ongkokfooi@penang.gov.my | (T) 04 - 530 8476 |
| **MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Hoon | (T) 04 - 551 1442 |
| **TANJONG BUNGAH**<br>YB Teh Yee Cheu<br>dappenang.cagw.teh@gmail.com | (T) 04 - 899 9581 |
| **JAWI**<br>YB Soon Lip Chee<br>lcsoon@mpsp.gov.my | sedang dikemaskini |
| **PENGKALAN KOTA**<br>YB Lau Keng Ee<br>dappengkalankota@gmail.com | (T)04 - 250 1521<br>04 - 2501522<br>(F)04 - 2501523 |
| **BAGAN DALAM**<br>YB Tanasekharan a/l Autheraphy<br>atana@first.net.my | (T) 04 - 323 5870<br>(F) 04 - 323 5870 |
| **KEBUN BUNGA**<br>YB Cheah Kah Peng<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **SUNGAI BAKAP**<br>YB Hj. Maktar Hj. Shapee<br>adunan.dunsgbakap@yahoo.com | (T) 04 - 582 7549<br>(F) 04 - 582 8648 |
| **KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng | (T) 04 - 227 0215<br>(F) 04 - 227 8215 |
| **PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soo Hin<br>clementyeoh@hotmail.com | sedang dikemaskini |
| **PULAU TIKUS**<br>YB Dr. Yap Soo Huey<br>yapsoohuey@gmail.com | sedang dikemaskini |
| **PERMATANG PASIR**<br>YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man<br>adunptgpasir@gmail.com | (T) 04 - 398 4226<br>(F) 04 - 398 4226 |
| **BUKIT TENGAH**<br>YB Ong Chin Wen<br>pkrbkttengah@gmail.com | (T) 04 - 508 3977<br>(F) 04 - 508 3677 |
| **PENANTI**<br>YB Norlela Ariffin | (T) 04 - 522 2916<br>(F) 04 - 521 2915 |
| **SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim | (T) 04 - 282 8322 |
| **BATU UBAN**<br>YB Dr. T. Jayabalan<br>drjayabalan@gmail.com | (T) 04 - 656 2605<br>(F) 04 - 656 0699 |
| **SERI DELIMA**<br>YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji<br>rsnrayer@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 6611 |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>04 - 227 1397<br>04 - 226 6482 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>YB Mohd. Zain Ahmad | Sedang dikemaskini |
| **BERTAM**<br>YB Shariful Azhar Othman | Sedang dikemaskini |
| **PINANG TUNGGAL**<br>YB Datuk Haji Roslan Saidin | Sedang dikemaskini |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>YB Omar Abd. Hamid | Sedang dikemaskini |
| **SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | Sedang dikemaskini |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>YB Datuk Jahara Hamid | Sedang dikemaskini |
| **SUNGAI ACHEH**<br>YB Datuk Mahmud Zakaria | Sedang dikemaskini |
| **BAYAN LEPAS**<br>YB Nordin Ahmad | Sedang dikemaskini |
| **PULAU BETONG**<br>YB Muhamad Farid Saad | Sedang dikemaskini |
| **TELUK BAHANG**<br>YB Shah Haedan Ayoob | Sedang dikemaskini |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>Bakal Dilantik | - |
| **BERTAM**<br>Bakal Dilantik | - |
| **PINANG TUNGGAL**<br>Bakal Dilantik | - |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>Bakal Dilantik | - |
| **SUNGAI DUA**<br>Bakal Dilantik | - |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>Bakal Dilantik | - |
| **SUNGAI ACHEH**<br>Bakal Dilantik | - |
| **BAYAN LEPAS**<br>Bakal Dilantik | - |
| **PULAU BETONG**<br>Bakal Dilantik | - |
| **TELUK BAHANG**<br>Bakal Dilantik | - |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS & AMBULANS | 999 |
| BOMBA | 994 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| PENYELAMAT | 991 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| INFORMASI PENERANGAN | 04-643 0373 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-397 1058 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| PUSAT INFO PELANCONG | 04-261 4461 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERUNDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| JABATAN BURUH | 04-262 5536 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

| | | | |
|---|---|---|---|
| N1 | Penaga | : sedang dikemasikini | |
| N2 | Bertam | : sedang dikemasikini | |
| N3 | Pinang Tunggal | : sedang dikemasikini | |
| N4 | Permatang Berangan | : sedang dikemasikini | |
| N5 | Sungai Dua | : sedang dikemasikini | |
| N6 | Telok Air Tawar | : sedang dikemasikini | |
| N7 | Sungai Puyu | : 012 - 480 5495 | - Mr.Lee |
| N8 | Bagan Jermal | : 013 - 449 0366 | - Yeap Choon Keong |
| N9 | Bagan Dalam | : 016 - 473 1963 | - Gesan |
| N10 | Seberang Jaya | : 04 - 390 5109 | - Nor Hayati Mohd Iskander |
| N11 | Permatang Pasir | : 019 - 412 8442<br>013 - 595 6865 | - Kamal<br>- Rosli |
| N12 | Penanti | : 04 - 522 2916 | - Rodzi |
| N13 | Berapit | : 016 - 401 3507<br>017 - 446 1817 | - Mr.Lim<br>- Yeoh Ee Yee |
| N14 | Machang Bubuk | : 016 - 466 0664<br>012 - 319 1985 | - Andrew Chin<br>- Ikhwan |
| N15 | Padang Lalang | : 04 - 502 5071 | - sedang dikemaskini |
| N16 | Perai | : 04 - 390 1867 | - Selvi |
| N17 | Bukit Tengah | : 013 - 518 8735 | - Lim Tuan Chun |
| N18 | Bukit Tambun | : 016 - 404 9120<br>017 - 378 4448 | - G.Dumany<br>- Khor |
| N19 | Jawi | : sedang dikemasikini | |
| N20 | Sungai Bakap | : 019 - 552 8689<br>012 - 542 4454 | - Norjuliana<br>- Hasbullah |
| N21 | Sungai Acheh | : sedang dikemasikini | |
| N22 | Tanjong | : 016 - 465 0318 | - Ranson |
| N23 | Air Putih | : 04 - 829 0614 | - Hong Kian Beng |
| N24 | Kebun Bunga | : 012 - 493 3342 | - Cheng Kok Eong |
| N25 | Pulau Tikus | : 012 - 486 2552 | - Lingam |
| N26 | Padang Kota | : 012 - 431 7015 | - Johnny Chee |
| N27 | Pengkalan Kota | : 012 - 401 1522 | - Ch'ng Chin Keat |
| N28 | KOMTAR | : 012 - 412 6284 | - Adreena |
| N29 | Datok Keramat | : 017 - 480 7417<br>010 - 464 6308 | - Varinder Kaur<br>- Fuzaina |
| N30 | Sungai Pinang | : 010 - 464 3308 | - Amelia Tan |
| N31 | Batu Lancang | : 04 - 282 6419 | - Karuna |
| N32 | Seri Delima | : 019 - 4474362<br>012 - 5242549 | Mahen<br>James |
| N33 | Air Itam | : 012 - 4730736 | - Anne |
| N34 | Paya Terubong | : 012 - 484 1963<br>019 - 444 1039 | - Toon Hoon Lee<br>- Sabapathee |
| N35 | Batu Uban | : 016 - 480 0232<br>016 - 487 8602<br>016 - 444 3550 | - Jalal<br>- Khairul<br>- Sathya |
| N36 | Pantai Jerejak | : 04 - 646 4700 | - Aliff / Shamsudin |
| N37 | Batu Maung | : 013 - 510 1968<br>012 - 504 4836 | - Latifah<br>- Ziezullhakim |
| N38 | Bayan Lepas | : sedang dikemasikini | |
| N39 | Pulau Betong | : sedang dikemasikini | |
| N40 | Telok Bahang | : sedang dikemasikini | |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2011 (1 JAN. 2012 - 31 DIS. 2012)

| Nama | Telefon |
|---|---|
| Teoh Seang Hooi (DAP)<br>shteow@mpsp.gov.my | 019-412 99 96<br>04-594 1231 |
| Visvanathan a/l Kumaran (DAP)<br>visvanathan@mpsp.gov.my | 012-477 6468<br>04-398 3242 (Tel)<br>04-502 1667 (Fax) |
| Tan Xin Ying (DAP) | 016 - 553 1987 |
| Mohd Shaipol Ismail (DAP) | 012 - 571 2250 |
| Guanalan a/l Sengalaney (DAP) | 013 - 485 3128 |
| Chandrasekeran a/l S. Maniam (DAP)<br>chanderasekeran@mpsp.gov.my | 012-5619870 |
| Mohamad Zainudin Othman (PKR) mohamadzainudin@mpsp.gov.my | 013-45 47 009 |
| Ahmad Farid Md. Arshad (PKR)<br>ahmadfarid@mpsp.gov.my | 019-540 9396<br>04-3979796 (Fax) |
| Johari Kassim (PKR)<br>johari@mpsp.gov.my | 019-449 1450 |
| Abdul Latif Abdullah (PKR)<br>abdul_latif@mpsp.gov.my | 019-560 57 55 |
| Lim Eng Nam (PKR)<br>peterlim@mpsp.gov.my | 016-411 44 00<br>04-588 0818 (Tel)<br>04-588 0885 (Fax) |
| Kusala Kumari @ Rynu a/p A. Shanmugam (PKR)<br>kusala@mpsp.gov.my | 019-54 63 257 |
| Amir Md. Ghazali (PKR)<br>amir@mpsp.gov.my | 013-584 8386<br>04 - 521 1987 (Fax) |
| Ahmad Kaswan Kassim (PAS)<br>ahmadkaswan@mpsp.gov.my | 019- 408 4899 |
| Dr. Tiun Ling Ta (NGO)<br>lttiun@mpsp.gov.my | 013-430 2096<br>04-508 0039 (Tel)<br>04-657 0918 (Fax) |
| Ahmad Tarmizi Abdullah (NGO) | 013 - 414 4822 |
| Loh Joo Huat (DAP)<br>jhloh@mpsp.gov.my | 012-4221133 |
| Ong Koon Liak (DAP)<br>klong@mpsp.gov.my | 012-4277868<br>04-530 0363 (Tel)<br>04-538 6950 (Fax) |
| Sarina Hashim (PKR)<br>sarina@mpsp.gov.my | 013-50 00 155 |
| Md Jamil Abd. Rahman PAS)<br>mdjamil@mpsp.gov.my | 019-4490007 |
| Wong Chee Keet | 012-451 1312 |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPPP 2011 (1 JAN. 2012 - 31 DIS. 2012)

| Nama | Telefon |
|---|---|
| Zulkifli Mohd. Noor (DAP) | 012 - 483 0878 |
| Harvindar a/l Darshan Singh (DAP) | 012 - 42822 50 |
| Tay Leong Seng (DAP) | 019 - 321 9392 |
| Lim Cheng Hoe (DAP) | 016 - 438 4809 |
| Tan Hun Wooi (DAP) | 012 - 488 0409 |
| Ong Ah Teong (DAP) | 012 - 410 6566 |
| Ooi Keat Hin (PKR) | 016 - 417 1331 |
| Francis a/l Joseph (PKR) | 012 - 474 3321 |
| Ramlah Bee Binti Asiahoo (PKR) | 016 - 422 2142 |
| Mohamed Yusoff Mohamed Noor (PAS) | 04 - 657 7464 (Tel)<br>012 - 472 8114 |
| Iszuree Ibrahim (PAS) | 016 - 443 3205<br>019 - 450 7890 |
| Sr. Mohd. Zahry Shaikh Abdul Rahim (NGO) | 012 - 472 6725 |
| Gooi Seong Kin (DAP) | 016 - 457 1271 |
| Prem Anand a/l Loganathan (DAP) | 012 - 412 2558 |
| Tan Seng Keat (PKR) | 012 - 438 6191 |
| Muhammad Sabri Md. Osman (PKR) | 013 - 432 0207 |
| Mohd Taufik Sulong (PKR) | 012 - 438 0873 |
| Tahir Jalaluddin Hussain (NGO) | 012 - 463 5959 |
| Dr. Lim Mah Hui (NGO) | 012 - 422 1880 |
| Sin Kok Siang (NGO) | 016 - 422 2255 |
| Ng Chek Siang (PKR)<br>perisaihebat@gmail.com | 016 - 470 7089 |


## BULETIN MUTIARA

Tingkat 47, Komtar,
10503 Penang
Phone : 04-650 5468
Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

**EDITORIAL**

**Editor**
Chan Lilian (English)
Tam Poh Guek (Chinese)
P.Parameswari (Tamil)

**Writer**
Danny Ooi (English)
J.Evelyn (English)
Albert Benedict Manikam (English)
Shum Jian Wei (Chinese)

**Photographers :**
Chan Lilian, Law Suun Ting,
Mohd. Hafiz Tajudin and Alissala Thian

**Graphic Designers :**
Loo Mei Fern, Idzham Ahmad


## Kalendar Pelancongan Pulau Pinang Mei-Jun 2013

1hb - 9hb Jun
***Penang Floral Festival 2013***
Penang Botanic Gardens





8hb - 9hb Jun
***Penang International Dragon Boat Festival***
Teluk Bahang Dam

1hb Jun - 15hb Julai
***Penang Durian Festival***
Anjung Indah, Balik Pulau




## Iklaneka




**Buletin Mutiara boleh diperoleh di :**

- Pejabat-pejabat ADUN
- Pejabat-pejabat Kerajaan Negeri
- Pejabat-pejabat PBA
- Bukit Bendera
- Pasaraya-pasaraya sekitar Pulau Pinang
- Hospital-hospital Kerajaan dan Swasta
- Pejabat-pejabat NGO
- Edaran rumah ke rumah

| Jenis Iklan | Saiz | Kos (sebulan,RM) |
|---|---|---|
| Satu Muka Surat | 25sm(w) x 32sm(h) | 15,000 (*) |
| Separuh Muka Surat (melintang) | 25sm(w) x 16m(h) | 7,500 (*) |
| Separuh Muka Surat (menegak) | 12.5sm(w) x 32m(h) | 7,500 (*) |

**Bagi Maklumat Lanjut, Sila Hubungi :**
**Shawal Ahmad:**
**04 - 650 5550, 04 - 650 5256, 012 - 424 9004**
**shawal@penang.gov.my atau shawal9004@gmail.com**



EXCO Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow (dua dari kiri) bersama ADUN Batu Uban, Dr. T. Jayabalan (dua dari kanan) dan barisan kepimpinan MPPP mengadakan perbincangan ketika mengadakan lawatan ke tapak projek dipercayai tanpa kelulusan PBT di Bukit Gambir di sini.



KETUA Menteri berjabat tangan dengan salah seorang pemenang sambil ditemani barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada program Hari Air Sedunia.




EXCO Pembangunan Pelancongan dan Kebudayaan, Law Heng Kiang (dua dari kanan) bersama-sama barisan penganjur menunjukkan poster Festival Thai yang bakal berlangsung pada 6 - 10 Jun ini di *Penang Times Square.*



SEBAHAGIAN kanak-kanak yang mengambil bahagian dalam penganjuran sambutan *World Play Day.*



PENGARAH Perkhidmatan Perbandaran Kesihatan Awam dan Pelesenan MPPP, Dr. R.R. Judy Shoba Naidu (barisan hadapan, dua dari kiri) bersama barisan jemputan khas bergambar kenangan pada Majlis Penghargaan dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MPPP.





BARISAN pemenang penganjuran *Penang Run 2013* bergambar kenangan bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri.



EXCO Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti dan Kesenian, Chong Eng (tiga dari kiri) bersama ADUN Berapit, Lydia Ong Kok Fooi (dua dari kiri) dan YDP MPSP, Mainumah Mohd. Sharif (dua dari kanan) menunjukkan tanda bagus ketika merakamkan gambar kenangan bersama sebahagian pemenang Larian Menara MPSP 2013.





ANTARA hadirin yang turut serta dalam penganjuran Forum Fakta Sebenar Pakatan Rakyat Menang Undi Popular PRU-13 oleh Kerajaan Negeri.


GEORGE TOWN FESTIVAL 2013
Penang, Malaysia
TAKINGOFF
GEORGE TOWN FESTIVAL OPENING CEREMONY
8 JUNE 2013 • 3pm • ESPLANADE, JALAN PADANG KOTA LAMA
KITE MAKING WORKSHOP | MEGA KITE FLYING | FOOD CARNIVAL
STILT WALKING | DRUM CIRCLE | COMMUNITY ACTIVITIES | GAMES
Join us at this opening ceremony at Esplanade as we take to the skies with master kite makers and kite flyers, percussion music, kitemaking and stilt walking workshops, and events and activities from our NGO and community friends.
Helping us take off are 12 kiters from the Asean Kite Council and 20 Mega Kites from the Kite Enthusiasts of Penang. They will be joined by drumming and percussion from the Tugu Drum Circle, and participating members of the public with 300 accompanying drums. It will be a colourful and chilled out day of fun... with lots of free kites from De Kites Junction and the Asean Kite Council! Come early to get our festive freebies, but hang around for the event's main highlight in the evening!
Check out our website for more details and the full list of programmes from 7 June to 7 July. See you there!
– Joe Sidek, George Town Festival 2013 festival director
georgetownfestival.com
http://bit.ly/TakingOff_GTF
thinkCITY
malaysia airlines
firefly
FINANCIAL DAILY
Powered by
DELL
EASTIN

# PWMF tetap kembali tahun depan

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**KEBUN BUNGA -** Ekoran sambutan memberangsangkan berhubung penganjuran *Penang World Music Festival 2013*, Exco Pembangunan Pelancongan dan Kebudayaan, Law Heng Kiang mengumumkan bahawa ia akan diteruskan untuk tahun berikutnya (2014).

Beliau berkata demikian pada ucaptama Majlis Pelancaran *Penang World Music Festival 2013* yang berlangsung di Taman Botani di sini baru-baru ini.

"*Penang World Music Festival* (PWMF) akan diteruskan dan ia (penganjurannya) sudah dimasukkan ke dalam kalender pelancongan 2014," katanya.

Seramai kira-kira 10,000 penonton membanjiri lokasi penganjuran bagi menyaksikan persembahan muzik dari seluruh dunia.

Antara kumpulan-kumpulan yang membuat persembahan adalah Saharadja dari Indonesia; Dende & Band (Brazil); Inka Marka (Afrika Selatan); MU (Portugal); Nasout (Iran); Kimi Djabate (Guinea Bissau); Dagaya (Jepun); Kalayo (Filipina); Oratnitza (Bulgaria); ARP Bora Quartet (Turki/Austria) dan dua kumpulan dari Malaysia iaitu Rimba serta Akasha.



**ANTARA persembahan pemuzik luar negara yang dipersembahkan.**



***SEBAHAGIAN penonton yang memeriahkan penganjuran** Penang World Music Festival **2013.***

## TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

**Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453**

**Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my**

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 376
Peminjam : ASIAH BT TAIB - 581130065100, JALAN MATI ALOR PONGSU, KRIAN 34300 PERAK
Penjamin 1 : ZAINAL ABIDIN BIN AZIZAN - 3260467, 6 JALAN DELIMA , TAMAN SRI INTAN, 34300 BAGAN SERAI, PERAK
Penjamin 2 : MOHAMAD SOKRI B HJ HUSIN - 5281379, KG KABU 10, SG LIMAU DALAM, 06900 YAN, KEDAH

No Akaun : 377
Peminjam : SASBULLAH BIN HAJI ZAKARIA - 580501025761, 170, JALAN KESUMA 8/4, FASA 9B, BANDAR TASIK KESUMA, 43700 BERANANG
Penjamin 1 : YUSOF BIN HJ MAT REJAB - 2411349, NO 53 TAMAN MAS 1, BT 9 JALAN CHERAS 43200 KAJANG, SELANGOR
Penjamin 2 : RADZUAN BIN AHMAD - 5023506, KAMPONG BELUKAR MK TEMIN, CHANGLON, 09000 JITRA, KEDAH

No Akaun : 378
Peminjam : SHALEH BIN HAJI ABD RAHMAN - 510826025563, KUARTERS GURU, S.M. AGAMA TARBIAH DINIAH, JALAN PEGAWAI, 09000 KULIM,
Penjamin 1 : YUSOF BIN HJ MAT REJAB - 501224025713, 2565 B JALAN FAJAR, OFF JALAN SULTANAH, 05350 ALOR SETAR, KEDAH
Penjamin 2 : RADZUAN BIN AHMAD - 560813025383, KAMPUNG BELUKAR, MUKIM TAMIN, CHANGLUN, 60100 KEDAH

No Akaun : 380
Peminjam : ABDUL MANAP BIN ABU BAKAR - 541230025441, NO 3296 KAMPUNG POKOK TAMPANG 1, 3300 TASEK GELUGOR,
Penjamin 1 : RADZUAN BIN AHMAD - 560813025383, KAMPUNG BELUKAR, MUKIM TAMIN, CHANGLUN, 06000 JITRA, KEDAH
Penjamin 2 : SALEH BIN HAJI DAUD - 500921025351, NO.68 JLN LEMBAH BUJANG 2, TAMAN LEMBAH BUJANG, 08100 BEDONG, KEDAH

No Akaun : 436
Peminjam : GANASAN A/L SUBRAYAN - 630207025763, NO.4-6-7 PPR STW , DESA TUN RAZAK CHERAS, 56000
Penjamin 1 : THANABALAN A/L SUBRAYAN - 5556113, 6 JALAN DATO YUSOF SHAHABUDIN 25, TAMAN SENTOSA, KELANG, 41200 SELANGOR
Penjamin 2 : POOBALAN A/L SINNASAMY -, 922 JALAN MAJU, TAMAN SEJAHTERA, 09600 LUNAS, KEDAH

No Akaun : 468
Peminjam : TEOH LYE THEAM - 640215075161, NO 25,JALAN MERANTI, BAGAN AJAM, 13000 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : LEE SENG TEE - 3893192, 49, PERSIARAN MINDEN 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 2 : GOO CHIN HUAT - 7524960, 96 JALAN PRAGIN, 10000 PULAU PINANG

No Akaun : 488
Peminjam : CHAN LEE MEI - 620713075422, 6-12-2 EDEN SEAVIEW CONDO, JALAN SUNGAI SATU, 11100 BATU FERINGHI
Penjamin 1 : KUNG POH HYAN - 4962229, 261 TANJUNG BUNGAH, 11200 PULAU PINANG
Penjamin 2 : GOH EWE LIT - 0947412, 1-S JALAN PANTAI MOLEK, 10470 PULAU PINANG

No Akaun : 489
Peminjam : THUM WENG HON - 640720075779, NO 81 JALAN SUTERA PULAI 2/3, TAMAN SUTERA UTAMA, 81300 SKUDAI
Penjamin 1 : WONG TENG YIN - 0795588, E6, TAMAN KELADI, 09000 KULIM, KEDAH
Penjamin 2 : BONG KUM SHO - 4251384, 99, JALAN RAYA, 09000 KULIM, KEDAH

No Akaun : 503
Peminjam : LIM CHOON WEE - 640201075099, 21 CANGKAT SUNGAI ARA 2, DESA SUNGAI ARA 11900 BAYAN LEPAS
Penjamin 1 : LIM KHAY CHIN - 3355833, N5-8, , TAMAN FREE SCHOOL, PULAU PINANG
Penjamin 2 : SAW CHOO KEAT - 4522902, 66, PRESGRAVE STREET, PULAU PINANG

No Akaun : 525
Peminjam : SEOW LAN HOON - 630916075982, 16 JALAN BU 12/8, BANDAR UTAMA DAMANSARA, 47800 PETALING JAYA
Penjamin 1 : LAU AH LIM@LAU CHENG LIM - 0286890, BLOK 2-1-6 LEBUH PADANG TEMBAK, 11400 AYER ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 2 : TAN LEY BOON - 0953079, 248 JALAN BURMAH, 10350 PULAU PINANG

No Akaun : 533
Peminjam : SUNDARAJ A/L BALASUNDRAM - 660325075179, NO 45 JALAN BK 4/6, BANDAR KINRARA, 58200 KUALA LUMPUR
Penjamin 1 : RAMKERSNEN A/L THARAMAL - 440821075173, NO. 6 LORONG RUSA 1, TAMAN SELAMAT, 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : RAJA GOPAL A/L RAMASAMY - 4091014, 788 JALAN BUKIT PANCHUR, 14300 NIBONG TEBAL , SEBERANG PERAI SELATAN

No Akaun : 540
Peminjam : ROHAYA BINTI HAMAD - 620712075076, NO 5 JALAN 55, SELAYANG BARU , 68100 BATU CAVES
Penjamin 1 : HIDAYAH BINTI MOKHTAR - 4997886, KAMPUNG TERAT BATU, PADANG SERAI, 09400 KEDAH
Penjamin 2 : RIDZUAN BIN HAMAD - 4739925, 598 PAYA KELADI, 13200 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA

No Akaun : 558
Peminjam : SABARUDIN BIN MUHAMAD - 660528075603, 93 JALAN 2/1, TAMAN INTAN PERDANA, TELUK KEMANG, PORT DICKSON, 71050
Penjamin 1 : ZULKEFLI BIN MOHD.YUSOP - 650627105389, 47 JALAN DG 1/6 DESA GEMILANG, SUNGAI PUSU, JALAN GOMBAK, 53100 KUALA LUMPUR
Penjamin 2 : AHMAD MIZAM BIN ABD KIDIR - 620316065255, 7821 TAMAN INDAH, GONG PAUH, 24000 KEMAMAN, TERENGGANU

No Akaun : 561
Peminjam : CHE INDON BINTI ILYAS - 661105075892, NO. 43 JALAN ISTANA, IPOH, 30000
Penjamin 1 : MD ZAIDI@MAT ZAIN BIN MD NOOR - 420707075147, 66 LORONG PAUH JAYA 3/3, TAMAN PAUH JAYA, 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 2 : ABU SEMAN BIN MAT - 510219075171, NO. 50 TAMAN ANGGERIK, JALAN JUNJONG, 09000 KULIM, KEDAH

# Prinsip CAT mampu jana minat pelabur

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**BAYAN BARU –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yakin prinsip Cekap, Akauntabel dan Telus (CAT) yang diamalkan kini mampu bersaing dan menarik minat para pelabur asing ke negeri ini.

Katanya, aspek tersebut turut dibantu oleh pengukuhan sektor Industri Kecil dan Sederhana (SME) yang semakin berkembang positif di Pulau Pinang.

"Pada masa sama, pembangunan modal insan yang baik sejajar dengan teknologi semakin pesat juga bakal memacu ekonomi serta industri negeri ke tahap lebih baik," ucapnya pada Majlis Perasmian *Internationale Industrial Expo 2013* ke-14 di sini baru-baru ini.

Bersempena penganjuran tersebut, dijangkakan ia bakal menjadi penghubung kepada 80,000 pengedar serta pembeli seluruh dunia di samping perjanjian transaksi perniagaan melebihi RM500 juta.

Pelbagai mesin dan barangan industri berteknologi baru dan hijau dipamerkan pada penganjuran ekspo yang berlangsung selama tiga hari berkenaan.

Turut diadakan adalah *Green Solutions Tradeshow and Conference 2013*.



**KETUA Menteri sambil ditemani ahli jawatankuasa penganjur meninjau gerai-gerai pameran bersempena penganjuran *Internationale Industrial Expo 2013* di sini baru-baru ini.**

# Negeri 100% lebih baik berbanding pentadbiran dulu – KM

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**BAYAN BARU –** Hasil usahasama Perbadanan Pembangunan Negeri Pulau Pinang (*Penang Development Corporation* – PDC) dan Penang Institute (PI), sebuah naskhah buku bersejarah bagi meraikan pencapaian dan kegemilangan Pulau Pinang selama 40 tahun dalam lapangan industri berjaya dilancarkan di sini baru-baru ini.

Buku '*40 years of Penang Industrialisation – Building Penang, Leading Malaysia*' dilancarkan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng adalah sebagai tanda pencapaian dan pengiktirafan diterima Pulau Pinang sebagai sebuah negeri pengindustrian terkemuka dunia bermula ketika di bawah pentadbiran mantan Ketua Menteri, Tun Dr. Lim Chong Eu.

"Malah sehingga ke hari ini, Kerajaan Negeri masih gigih meneruskan usaha dalam mempromosikan kegemilangan dan kecemerlangan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri berasaskan industri.

"Kita (Kerajaan Negeri) mensasarkan kecemerlangan syarikat-syarikat yang berpotensi ke arah pembangunan dan penyelidikan terutama dalam bidang sains dan teknologi," ucapnya pada Majlis Pelancaran Buku Bersejarah '*40 years of Penang Industrialisation – Building Penang, Leading Malaysia*' di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow; Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh; Pengurus Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus; Pegawai Kewangan




**BUKU '*40 years of Penang Industrialisation – Building Penang, Leading Malaysia*'.**

Negeri, Datuk Mokhtar Jait dan Ketua Pegawai Eksekutif PI, Zairil Khir Johari.

Tambah Guan Eng, Kerajaan Negeri juga giat memupuk dan menyuburkan bakat serta tenaga kerja yang komprehensif serta berdaya saing untuk sama-sama menjadikan Pulau Pinang negeri yang paling sesuai didiami.

"Pulau Pinang telah berjaya menarik nilai pelaburan RM36.1 bilion antara tahun 2008-2012 berbanding lima tahun sebelumnya hanya RM18.7 bilion (2003-2008).

"Hal ini sekaligus menjadi penanda aras pencapaian pentadbiran Pulau Pinang di bawah Pakatan Rakyat (PR) adalah 100 peratus lebih baik berbanding pentadbiran terdahulu," tegas beliau.

Dalam pada itu, beliau turut menegaskan bahawa Pulau Pinang optimistik dalam melakar kegemilangan landskap ekonomi Pulau Pinang sejak 2008.

"Terbukti, buat pertama kali dalam sejarah, Pulau Pinang mencatat jumlah pelaburan tertinggi pada 2010 iaitu RM12.1 bilion, menyumbang 28 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia.

"Pembinaan taman perindustrian berteknologi tinggi di Batu Kawan yang dijangka siap menjelang 2030 juga bakal menjadikan Pulau Pinang teraju ekonomi unggul di Malaysia," jelasnya.



**SADAYUKI Sakakibara (tengah) bersama isteri meramahi Ketua Menteri pada majlis Ulang Tahun Ke-40 Penubuhan Toray di sini baru-baru ini.**

## Toray rai ulang tahun ke-40 di P.Pinang

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BAYAN BARU -** Ulang tahun ke-40 penubuhan Perbadanan Perindustrian Toray Malaysia (Toray) diraikan dengan penuh meriah di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menjadi dif kehormat bagi Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Toray, Datuk Sadayuki Sakakibara, Akihiro Nikkaku (Ketua Pegawai Operasi) dan Hiroshi Yoshimura M. (Pengarah Urusan) pada majlis tersebut.

Nikkaku semasa menyampaikan ucapan alu-aluan berkata, pihaknya giat memberi tumpuan pada perkembangan ekonomi di rantau Asia Tenggara, termasuk Malaysia dalam sektor tekstil, gentian, filem, ubat-ubatan, produk perubatan dan sebagainya.

Guan Eng yang berucap kemudian merakamkan penghargaan kepada Toray yang berasal dari Jepun setia memilih Pulau Pinang sebagai destinasi pelaburan utama sejak tahun 1973.

"Lebih daripada 3,000 rakyat Malaysia yang kini bekerja dalam Kumpulan syarikat-syarikat Toray (Malaysia) itu meliputi empat bidang perniagaan utama iaitu gentian poliester, tekstil, resin plastik dan filem poliester.

"Dengan jumlah RM4.5 bilion pelaburan sekarang dan hasil jualan tahunan sebanyak RM4.1 bilion (melalui industri) Penfibre, Penfabric, Toray Plastics (Malaysia) dan Toray BASF PBT Resin, ia kini merupakan salah satu pelabur terbesar di Pulau Pinang dan Malaysia," ujarnya pada Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-40 Penubuhan Toray di sini baru-baru ini.

Sepanjang Toray beroperasi di Pulau Pinang, difahamkan, syarikat Jepun itu giat melakukan projek tanggungjawab sosial korporat (CSR).

Ekoran itu, Guan Eng berkata, pihaknya berharap Toray akan terus menjadi 'rakan pembangunan ekonomi yang ikhlas' untuk seluruh rakyat Pulau Pinang.

Berikut adalah antara CSR Toray di Pulau Pinang:

1. Kompleks Kolam Renang Awam Seberang Jaya, 1982 (RM2.5 juta)
2. Papan elektronik di Stadium Batu Kawan, 1999 (RM6 juta)
3. Tubuh Yayasan Sains Toray, 1993
4. Tubuh Pusat Pemindahan Pengetahuan Toray di Universiti Sains Malaysia (USM), 10 April 2013.

# Negeri 'destinasi berbasikal dunia'

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**TANJUNG BUNGA -** Pulau Pinang tidak mustahil akan menjadi destinasi penggemar berbasikal dunia suatu hari nanti sekiranya aktiviti itu terus dipopular banyak pihak.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata demikian semasa melancarkan arca basikal sulung di negeri berkenaan yang dikenali sebagai '*Give Me Five*' baru-baru ini.

"Saya berasa amat bangga dengan semangat CSR atau tanggungjawab sosial korporat.

"Saya yakin Pulau Pinang akan terus menerajui sebagai sebuah destinasi basikal yang utama bagi penggemar-penggemar berbasikal di seluruh dunia," ujarnya di sini sambil merakam penghargaan kepada semua pihak berwajib yang menyumbang hingga terbinanya arca unik tersebut baru-baru ini.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Datuk Ar. Patahiyah Ismail, Teh Yee Cheu (Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Tanjung Bunga), Dr. Lim Say Guan (Presiden Kelab Pengayuh G Pulau Pinang) turut hadir pada majlis keraian tersebut.

Menurut Guan Eng, arca basikal yang dibina di bawah program CSR itu menelan belanja RM55,000.

"CIMB melalui Kelab Pengayuh G Pulau Pinang menyumbang RM30,000, Yee Cheu (RM10,000) dan sebuah badan bukan kerajaan, *Sculpture At Work* (RM15,000).

"Arca basikal serta landskap di kawasan ini (Jalan Tanjung Bunga) akan diselenggara oleh MPPP,' ujar beliau.

Tambahnya, pengalaman Pulau Pinang pernah menjadi tuan rumah bagi acara sukan berbasikal seperti *Campaign For A Lane, Malakoff Interstate Fellowship Ride, Kayuh Lasak Penang Mountain Bike Jamboree, Gurney X Paragon Ride, Ride For Sights Charity Bike-A-Thon, Ride For Silent, Road Safety Ride, Penang International Triathlon and Duathlon* dan beberapa lagi acara *'Go Green Ride'* sekaligus meletakkan negeri itu tidak mustahil menjadi destinasi sukan berbasikal unggul dunia.



KETUA Menteri melepaskan para peserta di hadapan arca basikal sulung di Jalan Tanjung Bunga di sini baru-baru ini.

# AEON lancar CSR pulih Kolam Teratai Sungai

**PADANG LALANG –** Seramai 150 kakitangan Pusat Membeli Belah AEON Seberang Perai baru-baru ini mengadakan program memulihara semula air Tasik Kolam Teratai Sungai Rambai, di sini.

Pengurusnya, Kamarulzaman Jaafar berkata, program tanggugjawab sosial korporat (CSR) itu demi menyahut kempen 'Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat' yang disemarak oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

"10 tahun projek kolam udang berhampiran (beroperasi), air tasik ini menjadi hitam (tercemar).

"(Justeru,) saya mewakili AEON mengucapkan terima kasih kepada mereka yang hadir bagi menjayakan program SCR bersama-sama MPSP ini," ujar beliau semasa menyampaikan ucapan perasmian di sini.

Bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang, Micheal Tan Cheong Heng hadir pada majlis tersebut mewakili Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh.

Cheong Heng merasmikan majlis tersebut dengan melontar bola lumpur ke dalam tasik bagi memerangkap kotoran.

Difahamkan, program CSR itu akan diselenggara oleh AEON sendiri selama hampir setahun sebelum diserah kembali kepada MPSP.



PARA sukarelawan menunjukkan kepalan bola-bola lumpur yang dihasilkan pada Program Memulihara Semula Air Tasik Kolam Teratai Sungai Rambai di sini baru-baru ini.

# Flextronics langsung CSR pelihara Sungai Junjong Mati

Oleh: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

**BUKIT MERTAJAM –** Syarikat pembuatan elektronik terkemuka, Flextronics Technology (Penang) Sdn. Bhd. (Flextronics) melalui program tanggungjawab sosial korporatnya (CSR) dengan kerjasama Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bertindak memulihara Sungai Junjong Mati di sini baru-baru ini.

Inisiatif tersebut dijalankan bersama 19 buah kilang lain di kawasan sama.

Menurut Pengurus Besar Flextronics, P. Viswanathan, penglibatan pihaknya dalam aktiviti CSR ini adalah bagi menerapkan kepentingan memelihara alam sekitar terutama Sungai Junjong Mati dalam kalangan para pekerjanya.

"Kesedaran akan pentingnya aktiviti pemuliharaan alam sekitar di Flextronics adalah bermula dari kantin kilang melalui inisiatif kitar semula minyak masak kepada pembuatan sabun dan sisa buangan seperti kulit buah untuk dijadikan baja kompos.

"Aspek yang penting sekali adalah bagaimana kita (pihak pengurusan) perlu mengubah mentaliti para pekerja supaya tanggungjawab memulihara dan memelihara sungai turut menjadi sebahagian daripada tanggungjawab masing-masing," katanya pada Majlis Perasmian Projek Pemulihan Kualiti Air Sungai Junjong Mati di Kilang Flextronics P2, Bukit Minyak di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Yang Dipertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif.

Aktiviti melontar bebola lumpur dan pelepasan anak ikan tilapia turut dijalankan pada majlis berkenaan.

Dalam pada itu, Maimunah memberitahu, dengan penglibatan semua pihak iaitu kilang-kilang di sekitar dalam program dirancang, Sungai Junjong Mati mampu pulih dalam lingkungan tempoh dua tahun.

"Pihak MPSP di bawah Unit Landskap akan turut membantu memperindahkan lagi kawasan tepi sungai ini melalui penanaman pokok renek dan tumbuhan lain yang bersesuaian," ujar beliau.



MAIMUNAH Mohd. Sharif (depan, bertudung) melepaskan anak ikan tilapia ke dalam Sungai Junjong Mati sambil diperhatikan P. Visvanathan (depan, dua dari kanan) pada majlis perasmian projek pemulihan kualiti air sungai tersebut di sini baru-baru ini.

# Pusat Sukan Latihan bangunkan sukan bola tampar



**KETUA Menteri bersama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bergambar kenangan bersama-sama jemputan selepas Majlis Perasmian Pusat Latihan MSNPP di Taman Buah Pala baru-baru ini di sini.**

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Pusat Sukan Latihan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) bernilai RM2 juta yang siap dibina bakal memberi manfaat kepada pembangunan sukan bola tampar khususnya di negeri ini.

Pusat sukan terletak di Taman Buah Pala di sini dibangunkan pemaju, Nusmetro Ventures Sdn. Bhd. (Nusmetro) di atas tanah seluas 0.57 ekar (2,314 meter persegi) dengan keluasan lantai dewan serbaguna berjumlah 649 meter persegi secara keseluruhan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika merasmikan pusat latihan tersebut berkata, MSNPP akan dipertanggungjawabkan bagi menguruskan dewan tersebut sebagai sebuah pusat latihan sukan.

"Kerajaan Negeri amat menghargai sumbangan pihak Nusmetro yang membolehkan para atlet menjalani latihan tanpa perlu risau akan keadaan matahari terik atau pun hujan. Malah, mereka (atlet-atlet) juga boleh berlatih pada waktu malam kerana kebanyakan atlet negeri adalah pelajar sekolah menengah serta kolej.

"Adalah diharapkan dengan adanya kemudahan begini, sukan bola tampar dapat dibangunkan lagi di peringkat negeri bukan sahaja untuk masa terdekat menjelang Sukan Malaysia ke-16, malah, juga masa hadapan," ujarnya ketika Majlis Perasmian Pusat Latihan MSNPP di Taman Buah Pala baru-baru ini di sini.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo, Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Karpal Singh dan mantan Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Lydia Ong Kook Fooi antara yang hadir pada upacara tersebut.

# Golongan ibu dirai ADUN



**Salah seorang ibu teruja apabila menerima kuntuman bunga daisi daripada Lau Keng Ee (dua dari kiri) sempena Sambutan Hari Ibu di Pasar Awam Lebuh Cecil di sini baru-baru ini.**

**TERIMA KASIH...** Kasih ibu membawa ke syurga, antara ungkapan yang acapkali didengari tatkala melahirkan rasa kasih kepada insan yang bergelar ibu.

Walau apa sekalipun panggilan kepada insan istimewa ini, sama ada mama, emak, bonda, ibu, umi, atau *mummy,* budi mereka dalam menjaga anak-anak amat tinggi nilainya. Tiada yang lebih berharga melainkan curahan kasih sayang ibu yang tidak bersempadan.

Atas dasar itulah, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kota, Lau Keng Ee dan ADUN Komtar, Teh Lai Heng bersama petugas pusat khidmat masing-masing baru-baru ini mengedarkan bunga daisi (gerbera) kepada ibu-ibu di Pasar Awam Lebuh Cecil sempena Sambutan Hari Ibu di sini.

Sebanyak 1,000 kuntum bunga daisi diedarkan sebagai tanda terima kasih kepada para ibu atas pengorbanan dan jasa yang tidak ternilai.



**TEH Lai Heng (depan, kiri sekali) menyerahkan kuntuman bunga kepada salah seorang ibu di sini.**

## Sazali Samad di Kejohanan Bina Badan 2013



**CHONG Eng (tengah) ditemani Ong Poh Eng (tiga dari kanan) dan Law Heng Kiang (tiga dari kiri) menunjukkan poster promosi Kejohanan Bina Badan Peringkat Kebangsaan ke-44 Mr. Malaysia 2013 pada sidang media di sini baru-baru ini.**

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**TANJUNG BUNGA –** Dijangkakan 200 peserta dari seluruh negara bakal berkampung di negeri ini bagi berentap dalam Kejohanan Bina Badan Peringkat Kebangsaan ke-44 Mr. Malaysia 2013 bermula 14 Jun ini.

Kejohanan berprestij tersebut merupakan kali kedua dianjurkan di sini selepas tahun 2010.

Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti dan Kesenian, Chong Eng berkata, penganjuran terbabit merupakan satu penghormatan kepada negeri Pulau Pinang kerana dalam masa tiga tahun, negeri dipilih semula menjadi tuan rumah.

"Ini secara tidak langsung akan dapat menarik minat belia negeri untuk menceburkan diri dalam sukan yang mencabar ini," katanya pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Sebanyak tiga kategori utama bakal dipertandingkan iaitu Remaja bawah 21 tahun membabitkan 70 kilogram (kg) ke atas dan ke bawah; *Masters,* bagi umur 45 tahun ke atas; *Senior* dipecahkan kepada sembilan kategori iaitu *Light Fly Weight,* 55kg ke bawah, *Fly Weight,* 55kg, *Bantam Weight,* 60kg, *Light Weight,* 65kg, *Welter Weight,* 70kg, *Light Middle,* 75kg, *Middle Weight,* 80kg, *Light Heavy Weight,* 85kg dan *Heavy Weight,* 90kg ke atas.

Pemenang bakal menerima trofi, piala pusingan, medal, sijil, baucer, hamper makanan dan hadiah sampingan penaja-penaja.

Turut ditampilkan adalah Juara lapan kali *Mr. Universe* dari Malaysia, Sazali Samad.

Turut hadir, Exco Pembangunan Pelancongan dan Kebudayaan, Law Heng Kiang.

Dalam pada itu, Timbalan Pengerusi II Masjlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Datuk Ong Poh Eng yang juga merangkap Presiden Angkat Berat Amatur Pulau Pinang menyatakan bahawa mereka yang ingin menyaksikan acara kemuncak pada 15 Jun ini dinasihatkan supaya membuat tempahan meja lebih awal dengan harga antara RM800 hingga RM3,000.

Bagi tempahan dan maklumat lanjut, sila hubungi Persatuan Bina Badan Pulau Pinang di talian 04 – 22 85080/228 508.


RUPA bentuk kuih simpul kasih.



BUNGKUSAN produk simpul kasih.

Oleh: **YAP LEE YING**
Gambar: **IDZHAM AHMAD**

# Kuih simpul kasih Zainab cermin kasih keluarganya

**KASIH** seorang ibu kepada lima cahaya mata mencari rezeki demi keluarga tercinta amat disanjung Buletin Mutiara (BM) yang mengadakan pertemuan ringkas dengan usahawan berjaya, Zainab Burhan, 54.

Umumnya, pertemuan tersebut diatur bertujuan merungkai kejayaan Zainab berkecimpung dalam bidang pemprosesan makanan membabitkan penghasilan produk makanan mini karipap, simpul kasih dan mini popia sejak tahun 2008.

Walaupun bersifat pemalu, Zainab merupakan seorang yang ramah dan lemah lembut perwatakannya.

Ketika BM berkunjung ke kilang beliau di Taman Kuala Muda, Penaga, Seberang Perai Utara (SPU), Zainab dan anak sulungnya begitu asyik menyimpul kuih simpul kasih yang lazimnya dipasarkan di pasaraya-pasaraya besar seperti Jusco, Tesco dan AEON Big (sebelumnya Carrefour) di negeri ini dan juga Alor Star, Kedah.

Bercerita dengan lebih lanjut, Zainab menyatakan bahawa perniagaan dijalankan beliau adalah perusahaan keluarga yang mana ia adalah hasil pertolongan serta sokongan suami serta anak-anaknya.

Malah, resipi serunding bagi kuih simpul kasih juga merupakan resipi keturunan ibunya sendiri.

"Saya ambil masa selama lima tahun untuk betul-betul memahiri teknik menghasilkan serunding kualiti dan sedap.

"Proses pengeringan merupakan faktor terpenting dalam pembuatan serunding, kalu tak, serunding akan jadi berkulat," katanya yang mula memahiri pembuatan produk terbabit sejak berusia 15 tahun atas dasar minat.

Menurut Zainab, sebelum terlibat secara langsung dalam perusahaan diusahakan kini, beliau hanya menjual produk serunding di pasaran tempatan.

"Hasil daripada dorongan rakan-rakan, kakak pi kursus belajar buat produk baru, simpul kasih.

"Mula-mula, produk dijual kecil-kecilan di sini. Lepas tuh, nampak ada perkembangan dan dapat lebih banyak pendapatan, maka, kakak teruskan hingga kini," jelas beliau.


ZAINAB Burhan.

Ketika ditanya mengenai cabaran perniagaan, Zainab kelihatan redha dengan nasib dirinya.

"Daripada lima anak, tiga anak kakak adalah OKU (orang kurang upaya). Seorang telah meninggal masa berusia tujuh tahun. Malah, yang sulung, kesan kemalangan baru-baru ini turut membantutkan pergerakannya. Suami pula ada darah tinggi dan tidak boleh buat kerja berat.

"Dengan keadaan camni, memang kakak putus asa. Tapi, sebab azam kuat dan juga permintaan produk yang tak putus-putus mendorong kakak teruskan," ujar Zainab.

Berlandaskan faktor-faktor tersebut, pengeluaran produk Zainab sedikit terjejas sehingga tidak dapat memenuhi permintaan pasaran-pasaran besar kini.

"Kalau tak sempat, kakak terpaksa tolak *order*. Kadang-kala, kakak takut nak angkat *handphone* sebab tak nak kecewakan pelanggan.

"Tapi, apa boleh buat sebab tak cukup tangan," rintihnya.

Kini, dengan bantuan dua pembantu, anak sulung dan Zainab sendiri, jumlah produk harian yang dihasilkan hanya mampu mencecah 10 kilogram sekiranya proses pembuatan dimulakan seawal pukul 9 pagi hingga 5 petang.

Bagi perancangan masa depan, Zainab berharap untuk memperkembangkan perniagaannya ke seluruh negara dengan bantuan modal daripada pihak-pihak berkenaan dan juga menambah bilangan pekerja sedia ada.

"Walaupun pelbagai cabaran terpaksa dihadapi, kakak akan teruskan kerana minat dan juga 'sokongan' daripada para pelanggan, rakan-rakan dan keluarga," kata Zainab sambil tersenyum.


ANAK Zainab Burhan yang banyak membantu dalam penghasilan produk.


TEKNIK pembuatan kuih simpul kasih.

**INFO :**
**SERBANEKA TEGUH ENTERPRISE**
**Gerai No. 6, Taman Kuala Muda, Penaga, SPU.**
**No. Tel. : 04 – 575 6484 atau 017 – 421 3685**

# Fokus 100 hari Rashid Hasnon




**APABILA** bekas Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman mengambil pendirian untuk bertanding di Parlimen Nibong Tebal sahaja pada musim Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13), namanya mula meniti di bibir rakyat Pulau Pinang.

Beliau pernah menjadi Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dari tahun 2011 hingga tahun 2013.

Beliau dikenali sebagai profesional Islamis dalam kalangan rakan-rakan karib.

15 tahun sebagai Pengurus Kanan di sektor korporat ASE serta lima tahun berkhidmat sebagai Jurutera di PERNAS NEC menyerlahkan bahawa beliau seorang yang berpengalaman dalam dunia perindustrian.

Tidak cukup dengan itu, beliau pernah diberi tanggungjawab menguruskan seksyen pengurusan bagi Kilang Motorola Electronic selama lima tahun.

Malah, beliau pernah diberi kepercayaan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif di syarikat korporat Data Ulung Sdn. Bhd..

Selain itu, kewibawaannya turut dilihat dalam dunia gerakan badan bukan kerajaan (NGO) yang berlatarbelakangkan Islam.

Selama lapan tahun bermula pada tahun 2000, beliau pernah menjadi Yang Dipertua Jamaah Islah Malaysia (JIM) Pulau Pinang (kini dikenali sebagai IKRAM Malaysia).

Dalam tempoh yang sama, iaitu dari tahun 2008 hingga 2012, aktivis berkenaan masih diberi taklifan sebagai Ahli Jawatankuasa JIM Pusat.

Paling menarik, sepanjang berkecimpung dalam pergerakan dakwah, beliau pernah menyertai misi kemanusiaan sedunia ke wilayah bergolak Gaza, Palestin.

Dalam pilihan raya umum lepas, beliau diberi tanggungjawab untuk mempertahan kemenangan bagi kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pantai Jerejak yang pernah disandang oleh Sim Tze Tzin (kini bergelar Ahli Parlimen Bayan Baru).

Apabila mendapat tahu bahawa beliau menang dengan 5,354 undi majoriti, tidak salah lagi Mohd. Rashid Hasnon, 53, dipinang menjadi Timbalan Ketua Menteri I yang baru.

Mohd Rashid mendapat 11,805 undi dengan menewaskan pencabarnya dari parti pembangkang, Wong Mun Hoe yang mendapat 6,451 undi sahaja.

Dalam wawancara eksklusif bersama-sama wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB,** Mohd. Rashid berkongsi wawasan 100 hari menjadi orang nombor dua dalam Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak mengangkat sumpah pada 9 Mei lepas.

Dalam 100 hari ini, beliau bercadang untuk turun dan dengar perkongsian akar umbi rakyat, khususnya yang berkaitan dengan portfolio Exco yang ditaklifkan kepadanya.

Mohd. Rashid diberi amanah sebagai Pengerusi Tetap Jawatankuasa Pembangunan Industri Perdagangan Antarabangsa, Koperasi & Perhubungan dan Pembangunan Keusahawanan.

"Ada beberapa isu berbangkit yang perlu diselesaikan dalam 100 hari ini dan saya cuba untuk turun dan dengar semua hal berwajib itu.

"Jika Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng diharap menjadi Ketua Menteri untuk seluruh rakyat Pulau Pinang, sebagai Timbalan Ketua Menteri I kepada beliau, tentulah saya juga diharap menjadi pemimpin Melayu nombor satu yang boleh mengukuhkan kepemimpinan Kerajaan Negeri ini," ujar beliau di Komtar, George Town baru-baru ini.

Justeru, katanya, segala permasalahan rakyat, khususnya mengenai kepentingan Melayu wajar mendapat perhatian daripadanya.

Itu, katanya lagi, termasuk projek pelabuhan antarabangsa tuna di Batu Maung dekat Parlimen Bayan baru yang dilaporkan terbengkalai serta dianggap merugikan nelayan pantai, termasuk Melayu.

"Sepatutnya warga Batu Maung paling banyak mendapat manfaat daripada projek asal Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) yang bernilai RM243.38 bilion di bawah Kerajaan Pusat, tetapi, terbengkalai sehingga kini," ujar beliau.

Difahamkan, projek tersebut diserahkan kepada syarikat konsesi Malaysia International Tuna Port Sdn. Bhd. (MITP) semasa Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin masih berjawat jawatan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani.

Perjanjian konsesi sejak 32 tahun di atas sebidang tanah seluas 20 hektar itu sehingga hari ini dianggap terbengkalai.

"Kalau nak selesaikan projek ini, inilah masanya (selepas PRU13). Saya akan mencari jalan untuk berbincang dengan Kerajaan Pusat supaya projek ini boleh diteruskan," ujar beliau.

Beliau berkata, kolaborasi dengan beberapa Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) seperti Dr. Afif Bahardin (Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan) dan Datuk Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) boleh mengukuhkan inisiatif Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat bagi menyelesaikan beberapa projek terbengkalai di negeri berkenaan.

**PACU FDI**

Mohd. Rashid mengakui bahawa rekod pelaburan asing langsung (FDI) selama lima tahun lepas yang berjumlah kira-kira RM38 bilion ternyata memberi saingan terhadap dirinya untuk lima tahun mendatang.

Pulau Pinang pernah mencatatkan FDI tertinggi pada tahun 2010, iaitu sebanyak RM12.2 bilion. Manakala, pada tahun berikutnya berjumlah RM9.1 bilion.

Maka, beliau secara peribadi berharap pengalamannya dalam industri boleh membantu kepemimpin Guan Eng untuk terus meletakkan Pulau Pinang sebagai destinasi pelaburan terbaik di rantau ini.

"Selama 30 tahun ini, memang saya menceburi bidang perindustrian. Ia tentunya berkait rapat dengan FDI.

"Saya tahu dua tahun belakangan ini, walaupun ada telahan mengatakan bahawa FDI kita (Pulau Pinang) akan merudum, tetapi, keseluruhan FDI selama lima tahun lepas menunjukkan kita (Kerajaan Negeri) adalah terbaik di Malaysia.

"Saya sedang tekun memikir bagaimana ia boleh menghubung (menjadi kesinambungan) serta memberi manfaat kepada rakyat di negeri ini," ujar beliau.

**PENGANGGURAN DAN KESTABILAN**

Mohd. Rashid berkata, rekod FDI yang baik seharusnya memberi manfaat kepada Kerajaan Negeri dan rakyat terbanyak di Pulau Pinang.

Justeru, beliau cuba mendekati masalah pengangguran khususnya membabitkan anak muda lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Menurut beliau, guna tenaga kumpulan berkenaan perlu ditingkatkan dengan kemahiran lanjutan supaya tidak berlaku penguncupan sumber manusia dalam sektor industri apabila diperlukan kelak.

"Benda (peluang pekerjaaan) itu merupakan satu kestabilan. Kalau kadar pengangguran tinggi, ertinya kurang stabil. Jadi, kita nak pastikan bahawa kadar pengangguran di bawah 1 peratus daripada rakyat (1.611 juta).

"Fokus saya secara umum pada kestabilan industri. Selain itu, saya memikir untuk menangani kebanjiran guna tenaga warga asing di negeri ini kerana ia memberi impak berantai pada pengaliran keluar wang negara, umpamanya.

"Ini tidak baik bagi sebuah negara dan negeri juga. Mungkin perlu direalisasikan polisi gaji minima yang lebih menguntungkan pekerja tempatan.

"Di MPSP, kita memulakan pengambilan semula pekerja tempatan selepas menangguhkan penswastaan beberapa sektor berkaitan MPSP.

"Kita lihat pengambilan warga asing sebagai buruh rendah walaupun baik untuk majikan kerana upah yang rendah, susah untuk sebuah kerajaan mengawal sosialisasi mereka di negeri ini.

"(Ekoran itu,) dalam peringkat operator umpamanya, mungkin perlu meningkatkan pengambilan pekerja tempatan lebih 50 peratus (bagi menggantikan pekerja asing kelak)

"Kita tak boleh mendapat tenaga separa mahir sebagaimana guna tenaga dari negara-negara jiran seperti dari Indonesia (jika diperlukan nanti).

"Untuk memenuhi keperluan 50 peratus tenaga separa mahir tempatan ini, sudah tentulah memerlukan guna tenaga baru (termasuk) lepasan SPM yang dididik dengan kemahiran (lanjutan) sesudah meninggalkan dunia persekolahan. Di sinilah kepentingannya," ujar beliau.

*•Bersambung di Buletin Mutiara edisi 1 - 15 Jun 2013.*

# Pengembirian efektif atasi haiwan dizalimi

Oleh: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

**BUKIT MERTAJAM –** Pengembirian efektif anjing dan kucing yang dijalankan sebuah badan sukarela, Persatuan Pencegahan Penganiayaan Haiwan (SPCA) mampu mengawal populasi spesis haiwan berkenaan yang tidak terkawal di sini.

Dengan kerjasama Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), SPCA kini menjalankan proses pengembirian di pusat jagaan SPCA di Berapit, Seberang Perai Tengah (SPT) dan cawangannya di Pejabat Cawangan MPSP Jalan Betek, SPT di sini.

Umumnya, kaedah pengembirian kini menjadi satu penyelesaian alternatif bagi mengawal pembiakan anjing dan kucing di samping menyelamatkan ia dari terus berhadapan dengan kezaliman manusia.

Menurut Presiden SPCA, Tan Kah Chuah, banyak anjing dan kucing yang berkeliaran terutama di pasar-pasar dizalimi dan 'didera'.

"Saya terkilan melihat ada dalam kalangan kita (manusia) menyiram air panas ke atas badan kucing untuk menghalau ia dari meminta makanan," katanya ketika ditemui di pusat pengembirian SPCA di sini baru-baru ini.

Hadir menyaksikan prosedur pengembirian adalah Yang Dipertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif.

Menurut Kah Chuah, dengan polisi persatuan, '*No Kill*', haiwan yang dijaga di SPCA tidak akan dibunuh. Namun, SPCA hanya mampu menampung sehingga 200 ekor anjing dan kucing dalam satu-satu masa sahaja.

"Jangka hayat seekor anjing dan kucing adalah sekitar 10 hingga 15 tahun, namun, kebiasaannya kucing hidup lebih lama dari anjing.

"Seekor anjing betina mampu beranak dua kali setahun manakala seekor kucing betina pula mampu beranak sehingga tiga kali setahun," jelas Kah Chuah.

Beliau memberitahu, pembiakan yang tidak dikawal akan menyebabkan pertambahan haiwan liar dari semasa ke semasa yang kemudian memaksa ia dibunuh pihak berkuasa tempatan (PBT) ekoran aduan umum.

Ketika ini, jelas beliau, dengan bantuan MPSP, sebanyak 812 ekor anjing dan kucing (78) telah dikembirikan sejak program tersebut dilaksanakan pada 2008.

"Caj proses pengembirian SPCA adalah lebih rendah berbanding pihak swasta iaitu hanya membabitkan keperluan haiwan dan ubat-ubatan sepanjang proses berkenaan.

"Caj bagi pengembirian anjing jantan adalah RM120 dan betina (RM150), manakala bagi kucing, caj adalah RM120 bagi kedua-dua jantina," kata Kah Chuah.

Beliau memberitahu, kepada mereka yang ingin membeli haiwan di SPCA, setiap seekor anjing dan kucing (tanpa mengira jantina) adalah berharga RM50.

Bagi maklumat lanjut, layari *http://www.spca-sbgperai.org.my/* atau hubungi Kah Chuah di talian 012 - 552 3447.



**PUSAT operasi SPCA di Berapit, SPT yang mengendalikan proses pengembirian dengan bantuan MPSP.**

# MPPP lulus tanah untuk dewan serbaguna



**KEADAAN ketika berlangsungnya Mesyuarat Penuh MPPP yang dipengerusikan Yang Dipertua Majlis, Datuk Ar. Patahiyah Ismail di sini baru-baru ini.**

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) meluluskan sebidang tanah berkeluasan 7,319 kaki persegi untuk disewakan kepada Pejabat Daerah & Tanah, Daerah Barat Daya bagi membina sebuah dewan serbaguna di sini baru-baru ini.

Ahli Majlis, Tan Hun Wooi pada Mesyuarat Biasa Majlis yang berlangsung baru-baru ini berkata, pihak Majlis tidak akan bertanggungjawab di atas pengurusan dewan tersebut, sebaliknya hanya menyewakannya sahaja dengan jumlah RM1,200 setahun (bersamaan RM100 sebulan).

"Tanah tersebut diluluskan untuk disewa dengan syarat kegunaan tanah hanya untuk membina Dewan Komuniti dan tidak boleh digunakan bagi mendirikan apa-apa bangunan kekal yang lain tanpa mendapat kebenaran daripada pihak Majlis.

"Sekiranya didapati keadaan demikian berlaku, MPPP berhak untuk menarik balik kelulusan bagi menggunakan tanah Majlis ini dengan tidak dibayar sebarang ganti rugi," ujarnya pada pengesahan keputusan mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pengurusan Kewangan yang berlangsung di Dewan Bandaran baru-baru ini di sini.

Tambah Hun Wooi, pihak Pejabat Daerah & Tanah Barat Daya perlu mengemukakan Pelan Kebenaran Merancang atau Pelan Bangunan kepada pihak Majlis untuk ditandatangani Setiausaha Perbandaran sebagai tuan tanah.

"Ianya perlu dikemukakan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh kelulusan Pihak Berkuasa Negeri diperoleh," ujarnya.

# Jalan Lebuh Nipah sehala waktu puncak



**JURUTERA Lalulintas MPPP, Zainuddin Mohamad (kanan sekali) menerangkan cadangan perubahan trafik kepada pihak-pihak berwajib pada sesi pemantauan di Jalan Lebuh Nipah di sini baru-baru ini.**

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**BATU UBAN -** Bagi melicinkan aliran trafik di Jalan Lebuh Nipah berhadapan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (Cina) Phor Tay di sini, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) bersetuju menjadikan laluan tersebut sebagai satu hala menjelang waktu puncak.

Inisiatif tersebut adalah bagi membolehkan ibu bapa dan kenderaan seperti bas sekolah menurun serta mengambil para pelajar di hadapan sekolah demi faktor keselamatan.

Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Muhammad Sabri Md. Osman berkata, kebiasaannya jalan tersebut menjadi amat sesak ekoran pertembungan dua aliran lalulintas yang bertentangan.

"Waktu puncak bagi sesi pagi adalah bermula dari pukul 6.30 pagi hingga 8.00 pagi; sesi tengah hari (12.30 tengah hari hingga 2 petang) dan sesi petang (6 petang hingga 7.30 malam).

"Aliran sehala ini hanya berkuatkuasa pada hari persekolahan biasa sahaja," ujar Muhammad Sabri di sini baru-baru ini.

Tambah beliau, tempoh percubaan selama tiga bulan akan dijalankan bagi mengkaji keberkesanan pengalihan aliran lalulintas berkenaan.

"Saya menasihatkan pengguna-pengguna Jalan Lebuh Nipah supaya peka dan mematuhi isyarat serta perubahan baru ini demi kelancaran lalulintas di kawasan berkenaan,'' jelasnya.

# Maklumat buang sampah tawar ganjaran RM100


MAIMUNAH Mohd. Sharif (dua dari kiri) beramah-mesra dengan Ahli-ahli Majlis MPSP sambil diperhatikan Setiausaha Perbandaran, Sr. Rozali Mohamud (kiri sekali) selepas selesai Mesyuarat Majlis Penuh MPSP di sini baru-baru ini.

**Oleh : MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

**BUKIT MERTAJAM –** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) terus proaktif menjadikan Seberang Perai bersih dan indah dengan memberikan ganjaran RM100 kepada mana-mana pihak yang tampil melaporkan kegiatan pembuangan sampah secara haram di sini.

Menurut Yang Dipertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif, pembuangan sampah secara haram di kawasan-kawasan terbiar dan bahu jalan adalah suatu tindakan tidak bertanggungjawab.

"Kita mahu menjadikan Seberang Perai sebuah kawasan yang bersih dan indah.

"Justeru, kita tampil dengan inisiatif ini bagi menggalakkan masyarakat bersama-sama membantu membanteras pembuangan sampah haram ini," katanya pada Mesyuarat Majlis Penuh MPSP di sini baru-baru ini.

Jelas Maimunah, mana-mana pihak yang mempunyai maklumat berhubung pembuangan sampah haram boleh memaklumkan kepada pihak MPSP beserta dengan bukti seperti gambar atau video.

Dalam pada itu, menurut Pengarah Perkhidmatan Perbandaran MPSP, Rosnani Mahmod, terdapat dua perkara penting yang perlu disertakan pemberi maklumat bagi keperluan siasatan MPSP.

"Perkara pertama adalah infomasi pemberi maklumat beserta nombor akaun bank, plat nombor kenderaan pesalah serta rakaman bukti seperti gambar dan video.

"Kedua, butir-butir kesalahan yang dilakukan pesalah dan lokasi kejadian," jelas beliau.

Rosnani memberitahu, setelah maklumat diterima, siasatan akan dijalankan dan jika ia terbukti benar, pemberi maklumat layak mendapat ganjaran berkenaan dan pesalah akan dikenakan tindakan sewajarnya. "Sebagai jaminan keselamatan ke atas pengadu, sebarang maklumat berkaitan pengadu akan dirahsiakan," ujar beliau.

Maklumat-maklumat kejadian boleh dimaklumkan kepada Pengarah Perkhidmatan Perbandaran MPSP, Rosnani Mahmod di talian 013 - 475 1866 atau e-mel, rosnani@mpsp.gov.my dan Penolong Pengarah Perkhidmatan Perbandaran MPSP, Mohd. Puad Hamid di talian 013 - 436 4346 atau e-mel, mohdpuad@mpsp.gov.my.

# MPPP rai 205 pekerja cemerlang & 53 pesara

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Tergolong dalam golongan orang kurang upaya (OKU) tidak pernah menghalang Abd. Rahim Hussain, 50, yang cacat anggota tangan untuk turut disenaraikan sebagai salah seorang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2013 Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) baru-baru ini di Dewan Bandaran di sini.

Abd. Rahim yang memulakan tugas sebagai pembantu lif di Flat Taman Free School ketika berusia 35 tahun berkata, beliau amat berterima kasih kepada pihak Majlis (MPPP) kerana sudi memberikannya peluang bekerja.

"Terima kasih kepada MPPP kerana sudi mengambil saya kerja walaupun keadaan fizikal sebegini. Sepanjang bekerja bersama Majlis, semuanya Alhamdullilah tak ada sebarang masalah.

"Rakan sekerja pun semua berikan layanan baik, tak ada diskriminasi atau perbezaan," ujarnya yang turut menyatakan bahawa anugerah tersebut merupakan pertama kali diterima beliau dan bercadang menggunakan ia sebagai simpanan masa hadapan.

Pada majlis sama, seramai 53 kakitangan MPPP yang telah bersara diberikan penghargaan. Pada masa sama, seramai 205 pegawai dan kakitangan Majlis turut dianugerahkan perkhidmatan cemerlang berikutan prestasi kerja yang cemerlang pada tahun 2012.

Majlis disempurnakan Yang DiPertua MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail.

Hadir sama, Setiausaha Perbandaran, Ir. Ang Aing Thye, Ahli-ahli Majlis dan Ketua-ketua Jabatan MPPP.

Bagi seorang pesara di Bahagian Penilaian Hartanah MPPP, Harun Ishak, 56, beliau memberitahu bahawa sepanjang hampir 30 tahun berkhidmat bersama MPPP, pelbagai pengalaman dapat ditimbanya, baik pahit mahupun manis.

"Banyak kenangan sepanjang bekerja bersama MPPP. Yang penting, kita kena sabar dengan bermacam-macam dugaan, kena terima dengan redha," katanya.

Dalam pada itu, Patahiyah berkata, anugerah tersebut merupakan simbol penghargaan kepada pegawai serta


ABD. Rahim Hussain.


HARUN Ishak.

kakitangan yang telah menghasilkan mutu kerja yang cemerlang.

"Ini adalah satu pengiktirafan. Saya yakin ia bakal menjadi pemangkin dalam kerjaya kakitangan MPPP serta mendorong pegawai serta kakitangan agar berkhidmat dengan lebih baik dan bersaing secara sihat ke arah peningkatan kecemerlangan dalam perkhidmatan.

"Malah, anugerah ini juga mampu memberikan galakkan kepada kakitangan Majlis untuk sentiasa menghadapi apa jua cabaran bagi mengukuh serta memartabatkan imej MPPP," jelas Patahiyah.

# Warga emas Seberang Jaya terima penghargaan

Oleh: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

**SEBERANG JAYA –** Seramai 3,600 warga emas menerima sumbangan RM100 melalui Program Penghargaan Warga Emas buat tahun ketiga di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin berkata, berbeza dengan sebelum ini, Kerajaan Negeri kini telah mengemaskini proses penerimaan sumbangan dengan membenarkan wakil untuk membuat tuntutan bagi pihak penama.

"Ini bermakna, penerima sumbangan boleh mewakilkan kepada waris atau keluarga terdekat untuk mengambil sumbangan wang tunai dengan mengisi borang khas serta menyertakan salinan kad pengenalan wakil berkenaan.

"Umumnya, proses tersebut bakal memberi kemudahan kepada warga emas yang uzur serta menghadapi kesukaran untuk membuat tuntutan," katanya ketika membuat pemantauan proses pembayaran sumbangan di Maybank Seberang Jaya di sini baru-baru ini.

Tambah Dr. Afif, tuntutan sumbangan Program Warga Emas hanya dilakukan di kaunter Maybank pada 18 hingga 19 Mei lalu.

"Selepas tarikh tersebut, tuntutan boleh dibuat di Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah (SPT) sehingga 7 Jun ini," ujar beliau.



DR. Afif Bahardin (kiri sekali) berjabat tangan dengan salah seorang penerima sumbangan Program Warga Emas di Maybank Seberang Jaya di sini baru-baru ini.

# ADUN Datok Keramat janji beri khidmat terbaik



JAGDEEP Singh Deo a/l Karpal Singh (kiri) bersalaman dengan salah seorang peniaga ketika lawatan mesra di Pasar Awam Jalan Kuantan di sini baru-baru ini.

**DATUK KERAMAT –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datok Keramat, Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh mengadakan lawatan mesra untuk bertemu para pengundi di Pasar Awam Jalan Kuantan di sini baru-baru ini.

Lawatan selama satu jam tersebut adalah untuk mengucapkan terima kasih kepada para pengundi yang menyokongnya pada Pilihanraya Umum lalu.

"Terima kasih juga kepada mereka yang telah dan masih lagi mengutuskan ucapan tahniah kepada saya, melalui SMS (sistem khidmat pesanan ringkas), perbualan telefon dan Facebook, terima kasih.

"Saya menganggap sokongan pengundi sebagai salah satu pendorong untuk saya berkhidmat dengan lebih baik terutama kepada penduduk di sini," ujarnya ringkas di sini.

Jagdeep Singh yang juga Exco Perancang Bandar & Desa dan Perumahan turut meluangkan masa bersalaman dengan para peniaga dan berjanji akan memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

## ADUN Sungai Puyu terus berkhidmat



PHEE Boon Poh (depan, kanan sekali) menyerahkan apron kepada salah seorang peniaga di Pasar Sungai Puyu di sini baru-baru ini.

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**SUNGAI PUYU –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu, Phee Boon Poh baru-baru ini mengambil inisiatif khas mengadakan lawatan ke Pasar Sungai Puyu untuk bertemu penduduk di kawasan terbabit di sini.

Katanya, lawatan tersebut adalah untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada penduduk setempat ekoran memberi kepercayaan kepadanya untuk terus menerajui Sungai Puyu dan mewakili masyarakat di sini.

"Ia (lawatan) juga memberi peluang kepada saya mendekati masyarakat dan membuatkan mereka berasa selesa untuk bertemu saya apabila terdapat sebarang masalah yang timbul di sini," ujarnya pada program lawatan tersebut di sini baru-baru ini.

Tambah Boon Poh yang juga Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, kepercayaan yang diberikan rakyat adalah suatu mandat yang harus dilaksanakan dan dipegang.

"Saya berikrar akan terus memberi khidmat dalam membantu masyarakat di sini," ujarnya.

Serentak itu, Boon Poh turut menyampaikan sumbangan apron Pulau Pinang Hijau dan Bersih kepada para peniaga makanan dan minuman berhampiran di kawasan sekitar.

# Nelayan syukur dapat bantuan pukat



AZAHARI Noordin (tengah) dan Abdul Rahim Murad (kanan) ketika ditemui Buletin Mutiara pada Majlis Penyampaian Pukat Nelayan di sini baru-baru ini.

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**TELUK BAHANG –** Seramai 101 nelayan yang berpangkalan di sini menerima sumbangan pukat daripada Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.

Antara jenis pukat yang disumbangkan adalah pukat udang, pukat bawal, pukat hantu dan lain-lain.

Menurut seorang penerima Azahari Noordin, 49, beliau amat bersyukur dengan bantuan yang tidak pernah terduga ini.

"Saya rasa dalam tempoh lima tahun ini, macam-macam bantuan baru diperkenalkan selepas Kerajaan Pakatan Rakyat (PR) memerintah.

"Saya berterima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana sumbangan ini sebagaimana maklum, pukat yang digunakan kami adalah perlu diganti setiap enam bulan sekali," ujarnya ketika ditemui Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Seorang lagi penerima, Abdul Rahim Murad, 53, menyifatkan bantuan tersebut adalah amat diperlukan.

"Ini merupakan satu bantuan jangka panjang kepada kami sebagai golongan nelayan,'' kata bapa kepada tujuh cahaya mata berkenaan.

Hadir menyempurnakan majlis sumbangan tersebut adalah Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Abdul Halim Hussain.

Menurut Abdul Halim, pemberian sumbangan tersebut bakal diperluaskan ke seluruh daerah di negeri ini bagi meringankan beban golongan nelayan.

## Keperluan nelayan dapat perhatian



SEBAHAGIAN nelayan yang hadir menerima bantuan pukat daripada Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.

**SUMBANGAN PUKAT DUA KALI SETAHUN....** Jangka hayat pukat nelayan yang hanya mampu bertahan selama enam bulan berjaya memperoleh perhatian Kerajaan Negeri apabila sumbangan kelengkapan terbabit bakal disumbangkan dua kali dalam tempoh setahun.

Kenyataan tersebut dinyatakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika menyempurnakan majlis sumbangan bantuan pukat kepada 501 nelayan yang berpangkalan di Daerah Barat Daya di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, beliau turut menyatakan bahawa Kerajaan Negeri juga prihatin dan peka dengan dilema nelayan yang berhadapan dengan masalah kelonggaran penguatkuasaan pihak-pihak tertentu sehingga menjejaskan hasil tangkapan masing-masing.

Turut hadir, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Abdul Halim Hussain.

## 'Berat sama dipikul demi Bayan Baru' - Mohd. Rashid



ORANG ramai mengerumuni Mohd. Rashid Hasnon (tengah) dan Sim Tze Tzin (berkaca mata, kanan sekali) pada lawatan singkat bertemu masyarakat setempat di Pasar Awam Bayan Baru di sini baru-baru ini.

**PANTAI JEREJAK –** Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, Mohd. Rashid Hasnon baru-baru ini mengadakan lawatan ke Pasar Awam Bayan Baru bagi bertemu dengan masyarakat setempat di sini.

Selain para peniaga, Tze Tzin dan Mohd. Rashid turut beramah-mesra dengan pengunjung pasar yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat tanpa mengira usia, keturunan dan jantina.

Mohd. Rashid yang juga merupakan Timbalan Ketua Menteri I, berjanji akan memberi yang terbaik khas buat masyarakat di Pantai Jerejak di sini.

"Berat sama dipikul demi Bayan Baru," katanya baru-baru ini.



# Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat & Selamat